



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

Jilid I

Bil. 8

Hari Rabu

20hb Februari, 1991

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1991

(Ruangan 37)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Rabu, 20hb Februari, 1991

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D 0 A

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

TELEVISYEN - PROGRAM PENYIARAN

1. Puan Hajah Asmah binti Haji Ismail minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada pihak Kementerian Penerangan sedar implikasi kepada masyarakat Malaysia akan sampai ke tahap 'penagihan' televisyen di negara ini seperti di negara-negara barat kerana sebahagian besar daripada program televisyen di negara ini lebih banyak menghayalkan penonton untuk hiburan daripada membangkitkan semangat pembangunan rohani dan jasmani.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, tugas Jabatan Penyiaran melalui rangkaian-rangkaian televisyennya adalah untuk mewujudkan satu masyarakat yang bermaklumat, mendapat pendidikan daripada siaran-siarannya serta memberi hiburan kepada penonton. Mewujudkan masyarakat 'penagih televisyen' bukan menjadi objektif RTM dan itulah sebabnya RTM menitikberatkan kepada kepelbagaian rancangan atau, dengan izin, variety.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya memaklumkan bahawasanya peratusan rancangan Televisyen 1 dan Televisyen 2 yang dikategorikan sebagai hiburan adalah hanya 29.6% bagi TV 1 dan 11.5% bagi TV 2.

Rancangan-rancangan lain:

<u>Rancangan</u>	<u>TV 1</u>	<u>TV 2</u>
Agama	6.2%	2.4%
Drama	20.2%	34.0%
Iklan	8.3%	8.2%
Kanak-kanak	5.7%	3.4%
Penerangan & Pendidikan	29.0%	40.5%
Rancangan Khas	1.0%	-

Tuan Yang di-Pertua, kajian membuktikan bahawa pada umumnya pencapaian ke tahap penagih televisyen di kalangan masyarakat Malaysia tidak berlaku.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kajian kepada penonton televisyen bagi tahun 1990 menunjukkan bahawasanya purata kadar penonton teleyisyen ialah antara 1 jam hingga 1 1/2 jam bagi setiap hari.

Adalah didapati bahawa antara 61% hingga 75% penonton menonton televisyen kurang dari 2 jam sehari. 10% hingga 14% menonton antara 2 hingga 4 jam sehari. Kajian yang dijalankan menunjukkan hanya 1% sahaja penonton yang menonton televisyen lebih dari 4 jam sehari. Ini membayangkan bahawa pada umumnya penonton memilih program yang diminati sahaja dan tidak menonton semata-mata kerana ketagihan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai media Kerajaan, RTM menyedari peranan yang perlu dimainkan untuk membangun negara dan membentuk keperibadian bangsa dan program-program RTM dirancang untuk memenuhi matlamat tersebut.

Tuan Hassan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu sejauh manakah perkembangan Perang Teluk menjadi minat penonton-penonton RTM sekarang ini.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, the peak viewing hours, iaitu masa yang paling diminati oleh penonton bermula anggaran jam 8.00 malam hingga jam 10.00 malam, yang bererti bahawasanya rakyat di Malaysia ini memang berminat untuk mendapat maklumat-maklumat yang terkini dan tepat daripada RTM iaitu melalui Warta Beritanya.

Berkenaan dengan Perang Teluk, sukacita saya menyatakan bahawa semenjak RTM menyiarkan siaran-siaran daripada luar negara, seperti siaran daripada CNN, angka-angka menunjukkan bahawasanya minat penonton rakyat untuk mendapatkan maklumat yang terkini dengan Peperangan Teluk adalah separas dengan masa atau peak viewing hours . Bererti bahawasanya rakyat di negara kita memang menggunakan kesempatan yang ditonjolkan oleh RTM berita-berita Peperangan Teluk mendapat sambutan yang hebat.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, sebagai yang kita tahu kebanyakan Ahli-ahli Dewan Negara kita ini orang tua-tua belaka, jadi minat kita ini adalah kepada berita, tetapi satu masalah kita dapati ialah mengenai Berita jam 8.00 malam.. TV Malaysia jam 8.00 malam, TV3 pun jam 8.00 malam juga. Jadi isi iaitu kandungan Berita TV Malaysia dan TV3 selalunya berlainan, jadi terpaksa menengok dua televisyen ataupun kena tape satu...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, apakah soalan tambahnnya?

Tuan Dahalan bin Haji Embun: ...soalan saya, sama ada pihak Kerajaan dapat memberi arahan atau panduan kepada pihak TV Malaysia dan TV3 supaya masa program itu ditukar. Terima kasih.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Ahli-ahli Yang Berhormat ini tadi katanya tua-tua belaka, saya rasa dari segi hatinya mungkin tidak. **[Ketawa]**.

Tuan Yang di-Pertua, seperti saya nyatakan tadi Berita merupakan salah satu daripada program yang paling diminati oleh penonton dan ia tidak terhad kepada golongan yang dewasa sahaja, malahan kita dapat kesan bahawasanya pelajar-pelajar, murid-murid dan juga mereka yang berumur lebih muda daripada 6-7 tahun berminat untuk mengetahui berita-berita semasa.

Dari segi pelapisan berita pada saat yang sama atau masa yang sama, Tuan Yang di-Pertua, adalah sukar bagi Menteri untuk menasihati TV3, kerana untuk makluman Dewan yang mulia ini, TV3 merupakan siaran yang dimiliki oleh swasta dan televisyen adalah terkawal di bawah Akta Penyiaran. Akta Penyiaran tidak memberi kuasa kepada Menteri untuk mencampuri di dalam hal ehwal pentadbiran, susunan program umpamanya tetapi dalam bentuk asas atau dasar, Menteri mempunyai kuasa untuk mengawal program-program yang tidak seharusnya ditonjolkan.

Jadi oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, tidaklah mempunyai hasrat Kementerian Penerangan untuk mencadangkan kepada TV3 mengubah masanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menasihatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari segi liputan berita, RTM mempunyai liputan yang paling baik. Jadi, tidak perlu tengok TV lain. [Ketawa]

PENOLONG PENDAFTAR PERKAHWINAN - LANTIKAN

2. **Tuan P. Balaram** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:
- (a) berapa ramaikah Penolong Pendaftar Perkahwinan dilantik untuk menguruskan perkahwinan mengikut agama;
 - (b) berapa banyakkah perkahwinan diupacarkan oleh mereka di antara 1985-1990; dan
 - (c) adakah Penolong Pendaftar ini mengenakan pembayaran untuk perkahwinan yang mereka upacarkan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Hegat Junid bin Megat Ayob]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Seramai 1,155 orang Penolong Pendaftar Perkahwinan telah dilantik untuk menguruskan perkahwinan orang-orang bukan Islam. Pecahan mengikut agama ialah seperti berikut:

Kristian	:	687 orang
Hindu	:	304 "
Buddha	:	94 "
Sikh	:	<u>70 "</u>
		1,155 orang
		=====

- (b) Bagi tempoh 1985-1990, sebanyak 115,989 perkahwinan telah diupacarakan.
- (c) Penolong Pendaftar Perkahwinan tidak mengenakan apa-apa pembayaran bagi perkhidmatan mereka. Walau bagaimanapun, bayaran dalam bentuk setem sebanyak \$20.00 dikenakan untuk daftar perkahwinan mengikut Seksyen 29, Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976.

ORANG TUA DI RUMAH KEBAJIKAN

3. Tuan V.K. Sellapan minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan sama ada perhubungan di antara anggota keluarga makin lama makin merunsingkan di dunia yang mencabar ini dan anak-anak keluarga mengabaikan dan melepaskan tangan ibu-bapa mereka yang tua. Oleh itu, bilangan orang-orang tua di rumah kebajikan semakin bertambah. Apakah langkah-langkah untuk mengatasi masalah ini.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dato' Napsiah binti Omar]: Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa perhubungan keluarga di dunia yang mencabar ini makin lama makin renggang, khususnya di antara golongan tua dan golongan muda akan tetapi keadaan ini tidaklah begitu merunsingkan. Keadaan begini

adalah disebabkan bahawa sistem keluarga lanjutan telah semakin berkurangan dengan munculnya keluarga nuklear di bandar-bandar akibat dari golongan muda berhijrah ke bandar-bandar untuk mencari pekerjaan. Walau bagaimanapun, kajian yang dibuat menunjukkan bahawa perhubungan kekeluargaan di antara anak dan ibu-bapa masih terjalin, iaitu dengan adanya sumbangan kewangan dan anak-anak melawat ibu-bapa mereka di kampung. Oleh itu, menyatakan anak-anak mengabaikan tanggungjawab terhadap ibu-bapa mereka adalah tidak benar.

Adalah jua didapati bahawa bilangan orang-orang tua di rumah kebajikan tidak bertambah dengan cara mendadak, misalnya pada tahun 1989 hingga 1990, bilangan penghuni di Rumah-rumah Orang Tua, Jabatan Kebajikan Masyarakat hanya bertambah sebanyak 1.4% sahaja. Adalah menjadi dasar Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat mengamalkan prinsip bahawa orang-orang tua adalah perlu diberi jagaan dan perlindungan oleh keluarga dan masyarakat mereka. Berasaskan kepada prinsip ini, beberapa skim bantuan untuk memperkukuhkan keluarga supaya kanak-kanak dan juga orang-orang tua terus menetap dalam keluarga masing-masing seberapa lama yang boleh telah diwujudkan.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat ini telah menubuhkan Jawatankuasa ataupun adakah ingin bercadang menubuhkan Jawatankuasa supaya mengadakan satu bancian yang terperinci dibuat di seluruh negara supaya kita tahu berapakah bilangan orang-orang tua yang terbiar di seluruh negara?

Dato' Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa ini belumlah saya tahu sama ada ada ataupun tidak. Tetapi bancian yang telah dibuat oleh kumpulan orang-orang yang memanggil diri mereka orang tua iaitu 60 tahun ke atas, mereka telah menyatakan kepada saya iaitu bilangannya adalah di antara 1.2 - 1.3 juta orang tua ataupun orang berida, bukan orang tua. Mereka marah kalau dipanggil orang tua. "Berida" ini perkataan yang baru - b-e-r-i-d-a.

Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth: Tuan Yang di-Pertua, kalau 60 tahun ke atas, saya qualifylah, dengan izin. [Ketawa] Apa yang saya ingin kemukakan, boleh atau tidak, satu undang-undang ataupun belas kasihan daripada Kerajaan memberi orang-orang tua yang 60 tahun ke atas itu secara "free" segala-galanya, umpamanya jikalau hendak naik kapal terbang atau naik inikah, itukah dan macam-macam. Saya ingat ada negara-negara yang memberi itu. After all, orang tua itu tidak lama umurnya hendak hidup. Jadi pahala kalau Kerajaan hendak memikirkan perkara itu. [Ketawa]

Dato' Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya difahamkan mereka yang berumur 60 tahun ke atas sekiranya mereka naik kapal terbang MAS ataupun Keretapi Malaysia, mereka ini diberi kemudahan 50% diskaun. Ini pun mengikut kemampuan, tidak boleh kita beri semua "free", nanti tidak dihargai.

Puan Aion binti Ariffin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan peluang kepada saya, pertamanya, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri yang baru menjawat satu post yang baru dan mencabar serta agak berat tanggungjawabnya untuk negara. Soalan tambahan saya ialah menyentuh dan berkaitan dengan

hubungan di antara keluarga. Adakah Kementerian Yang Berhormat juga mengambil perhatian berat mengenai masalah penderaan dan kekejaman terhadap kanak-kanak? Kalau ada, apakah rancangan jangka pendek dan jangka panjangnya?

Dato' Napsiah binti Ornar: Tuan Yang di-Pertua, agaknya soalan ini berlainan sedikit. Kita bercerita tentang orang tua tadi ataupun warga tua, tetapi soalan Yang Berhormat tadi ialah berkenaan dengan kanak-kanak. Sememangnya kebelakangan ini memang Kementerian memberi perhatian kepada penderaan kanak-kanak sepertimana Yang Berhormat tengok dalam akhbar dan juga dalam televisyen di mana hari ini ramai orang awam membuat laporan kepada Kementerian berkenaan dengan kes-kes penderaan ataupun penganiayaan kepada kanak-kanak ini. Saya berterima kasih kepada mereka yang juga mengambil berat tentang perkara ini. Kementerian sedang menggubal satu Rang Undang-undang untuk memberi perlindungan kanak-kanak yang akan dibaca kali yang kedua pada bulan Jun ini dalam Parlimen yang akan datang. Saya berharaplah Ahli-ahli Yang Berhormat juga akan mengambil berat tentang perkara ini dan memberi segala sokongan kepada Akta yang kita kemukakan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Chong Chi Siong.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan ke 4,

TOPI KELEDAR PENUH MUKA - PENGHARAMAN

4. **Tuan Ng Peng Hay [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sama ada Kementeriannya bercadang untuk menarik balik pengharaman penggunaan topi keledar penuh muka (full face helmet) yang digunakan dengan meluas oleh penunggang dan pembonceng-pembonceng motosikal di negara-negara lain;
- (b) sama ada Kementeriannya sedar bahawa penggunaan 'full face helmet' dapat mengurangkan kecederaan bahagian muka dan dagu mangsa kemalangan jalanraya yang menunggang atau membonceng motosikal; dan
- (c) sekiranya tidak, berikan sebab.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Ketika ini, Kementerian Pengangkutan tidak mempunyai cadangan untuk menarik balik larangan terhadap penggunaan topi keledar penuh muka.
- (b) Kementerian Pengangkutan sedar bahawa penggunaan topi keledar penuh muka memberi perlindungan yang lebih terhadap muka dan dagu mangsa kemalangan jalanraya yang menunggang atau membonceng motosikal.
- (c) Setakat ini Kementerian Pengangkutan masih tidak membenarkan penggunaan topi keledar penuh muka oleh kerana jika dibenarkan akan mengakibatkan banyak masalah keselamatan kepada pihak Polis DiRaja Malaysia.

AKHBAR BAHASA TAMIL - PENERBITAN

5. **Tuan C. Krishnan** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah harian dan mingguan Bahasa Tamil yang diberi permit KDN baru-baru ini; dan jumlah permohonan untuk keluaran Tamil baru yang masih diproses oleh Kementeriannya.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, jumlah akhbar berbahasa Tamil yang diberikan permit penerbitan sehingga sekarang bagi akhbar harian ialah sebanyak 4 buah dan bagi akhbar mingguan sebanyak 3 buah. Manakala jumlah permohonan untuk menerbitkan akhbar berbahasa Tamil yang masih dalam proses ialah sebanyak 9 permohonan.

LADANG KHAS ORANG YANG KURANG BERNASIB BAIK

6. **Tuan Mustafa bin Awang** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan apakah ada sebarang rancangan/program Kementerian/agensi di bawahnya untuk mengadakan Ladang-ladang Khas di negeri-negeri yang masih ada tanah untuk dibuka ladang bagi menampung perbelanjaan kepada mereka yang kurang bernasib baik di seluruh negara.

Dato' Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Keenam, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat memang bercadang untuk mengadakan satu ladang Khas bagi orang-orang yang kurang bernasib baik sepertimana yang disebutkan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr. Nordin Selat.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan ke 7.

PENDATANG TANPA IZIN DI SABAH

7. **Tuan C. Krishnan [di bawah S.O. 23(2)]** minta Perdana Menteri menyatakan masalah akibat pendatang tanpa izin di Sabah.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, kemasukan pendatang tanpa izin ke negeri Sabah tidak dapat dinafikan telah menimbulkan pelbagai masalah. Walau bagaimanapun, masalah-masalah yang ditimbulkan masih boleh dikawal. Masalah-masalah akibat kemasukan pendatang tanpa izin di Sabah boleh dilihat dari aspek-aspek berikut:

(i) **Aspek Keselamatan**

Terdapat kes-kes jenayah yang melibatkan pendatang tanpa izin. Perkara ini sedikit sebanyak mewujudkan suasana ketidakselesaan kepada rakyat Sabah. Walau bagaimanapun, kegiatan jenayah yang melibatkan pendatang tanpa izin ini dapat dikawal disebabkan tindakan-tindakan bersama pihak Polis dan Imigresen seperti mengesan, menangkap, mencegah dan mengusir yang telah diambil dari masa ke semasa.

(ii) **Aspek Ekonomi**

Dari aspek ekonomi pula boleh dilihat dari segi kehilangan hasil kepada Kerajaan apabila pendatang tanpa izin masuk ke negara ini secara haram. Mereka terlepas dari membayar bayaran-bayaran yang sepatutnya dikutip seperti bayaran pas Imigresen.

(iii) **Aspek Penggunaan Kemudahan-kemudahan Awam**

Dengan kemasukan beramai-ramai pendatang tanpa izin ini juga, menyebabkan Kerajaan terpaksa menambahkan perbelanjaan bagi kemudahan-kemudahan awam seperti bayaran perubatan hospital. Pendatang tanpa izin ini menggunakan perkhidmatan perubatan di hospital-hospital Kerajaan secara percuma.

(iv) **Aspek Sosial**

Kemasukan mereka ke Sabah telah mewujudkan kawasan-kawasan setinggan yang tidak teratur dan kotor. Keadaan perumahan yang bersesak-sesak dan bersambung-sambung memudahkan kegiatan-kegiatan sumbang berlaku.

(v) **Aspek kebersihan dan alam sekitar**

Hampir semua kawasan penempatan yang diwujudkan oleh pendatang tanpa izin tidak bersih. Sampah-sarap dibuang sesuka hati kerana tiadanya satu sistem pungutan sampah yang baik. Keadaan ini boleh menyebabkan kawasan-kawasan tersebut menjadi busuk, sakit mata memandang dan tempat merebaknya penyakit.

PERDAGANGAN DUAHALA MALAYSIA-CHINA

8. Datuk Tiong Hiew King minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan selepas dimansuhkan segala sekatan yang dikenakan ke atas lawatan rakyat Malaysia ke Republik Rakyat China itu:

- (a) apakah perdagangan duahala antara Malaysia dan RRC bertambah, baik kuantiti mahupun nilai barangan pada dua tiga bulan kebelakangan ini;
- (b) apakah keadaan perdagangan antara Malaysia dan RRC telah bertambah baik pada masa tahun ini berbanding dengan tahun lalu; dan
- (c) bagaimanakah pelaburan pihak China di Malaysia, berapa jumlah pelaburan tahun ini dan tahun lalu, kebanyakan di mana-mana bidang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Dr. K.S. Nijhar]: Tuan Yang di-Pertua, (a) dari segi

nilai statistik perdagangan duahala Malaysia dengan RRC dalam bulan (Oktober 1990 mencatatkan sebanyak \$324.1 juta. Jumlah ini merupakan tambahan sebanyak \$49.7 juta berbanding jumlah \$274.4 juta yang tercatat dalam bulan Ogos tahun 1990.

Dari segi kuantiti pula, agak sukar untuk dibuat perbandingan memandangkan jumlah jenis barangan yang didagangkan adalah banyak. Walau bagaimanapun, untuk jangkamasa tersebut (Ogos hingga Oktober) adalah dimaklumkan bahawa eksport utama Malaysia seperti getah, keluaran-keluaran kelapa sawit, petroleum mentah, kayu balak dan biji koko dari segi kuantiti telah menunjukkan peningkatan yang menggalakkan.

- (b) Jika dilihat dari segi jumlah perdagangan dalam jangkamasa bulan Januari hingga Oktober 1990 berbanding dengan tahun 1989, keadaan perdagangan antara Malaysia dengan RRC dalam tahun 1990 adalah bertambah baik. Bagi tempoh Januari - Oktober 1990, perdagangan duahala berjumlah \$2,505.4 juta berbanding dengan \$2,458.1 juta bagi tempoh yang sama dalam tahun 1989 iaitu pertambahan sebanyak \$47.3 juta.
- (c) Jumlah pelaburan China di Malaysia yang telah diluluskan dalam tahun 1989 ialah sebanyak tiga buah projek. Untuk tempoh 9 bulan pertama 1990, tiga buah projek lagi telah diluluskan. Pelaburan yang diceburi ialah dalam industri keluli, keluaran getah, keluaran kelapa sawit, tekstil dan kasut. Walau bagaimanapun, setakat ini cuma satu projek yang telah dilaksanakan. Projek tersebut ialah dalam pengeluaran camelback and cut thread, dengan izin.

INDUSTRI SARUNG TANGAN

9. **Puan Law Jack Yoon** minta menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) bilangan kilang di Malaysia yang mengeluarkan sarung tangan khas untuk bidang perubatan;
- (b) kualiti sarung tangan itu jika dibanding dengan piawai antarabangsa;

- (c) berapa peratus dari jumlah besar sarung tangan yang diekspot di dunia adalah dibuat dari Malaysia; dan
- (d) memandangkan risiko yang tinggi mengidap penyakit AIDS atau lain-lain penyakit berjangkit maka permintaan untuk sarung tangan akan meningkat, apakah tindakan yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk meningkatkan industri sarung tangan.

Dato Dr. K.S. Nijhar: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Setakat ini, sejumlah 131 buah kilang sudah beroperasi untuk mengeluarkan sarung tangan perubatan iaitu 119 buah kilang mengeluarkan sarung tangan pemeriksaan (examination gloves) manakala 12 lagi mengeluarkan sarung tangan pembedahan (surgical gloves).
- (b) Pada keseluruhannya sarung tangan yang dikeluarkan di Malaysia telah mencapai tahap kualiti dan piawaian yang diterima oleh negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan Negara-negara Kesatuan Ekonomi Eropah (EEC). Bagi pasaran di Amerika Syarikat, misalnya, sarung tangan perubatan hanya boleh dijual setelah ianya mendapat kelulusan pihak Pentadbiran Makanan dan Dadah (Food and Drug Administration) USA.
- (c) Mengikut data-data yang ada Malaysia merupakan pengeksport sarung tangan getah yang terbesar di dunia. Pada tahun 1987, eksport sarung tangan getah oleh Malaysia telah menyumbang sebanyak kira-kira 28,8% daripada keperluan import dunia. Angka ini telah meningkat kepada kira-kira 58.4% pada tahun 1988 dan 61.1% pada tahun 1989.

(d) Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan industri ini adalah seperti berikut:

- (i) membantu syarikat-syarikat pengilang dari segi membekal maklumat mengenai pasaran antarabangsa. Maklumat-maklumat ini boleh diperolehi daripada Pusat Perdagangan Eksport Malaysia (MEXPO) yang mempunyai laporan pasaran bagi sarung tangan getah bagi pasaran USA dan Eropah. Selain daripada itu pejabat perdagangan Malaysia di seberang laut juga dari masa ke semasa telah membekalkan maklumat pasaran kepada syarikat-syarikat berkenaan;
- (ii) mengedarkan dokumen-dokumen mengenai Amalan Pengilangan Yang Baik terbitan Food and Drug Administration, Amerika Syarikat (FDAUSA);
- (iii) menganjurkan seminar dan bengkel dalam usaha menyebarkan maklumat kepada syarikat-syarikat sarung tangan tempatan berhubung dengan peraturan-peraturan pengimportan, kualiti dan piawaian yang diperlukan oleh negara-negara pengimport. Sehubungan ini dua seminar telah diadakan seperti berikut:
 - (1) Seminar on Quality Requirements and Standard for Latex-dipped Goods for Export, dengan izin, telah diadakan pada 6 Januari, 1988. Selain dari kertas-kertas kerja dari SIRIM dan

- RRIM, pegawai dari FDAUSA juga telah dijemput untuk membentangkan pandangan-pandangan badan tersebut berhubung dengan pengimportan sarung tangan perubatan ke USA;
- (2) dua lagi seminar telah diadakan pada bulan Februari dan Ogos tahun 1989 yang ditumpukan kepada Good Manufacturing Practices (GMP) dan skim Assessment of Registration and Quality System (ARQS) SIRIM, yang berdasarkan siri piawaian ISO 9000 dan diterima sebagai memenuhi keperluan-keperluan GMP;
 - (3) satu seminar dua hari juga mengenai GMP telah dianjurkan bersama oleh MIDA dan Association of Malaysian Medical Industries (AMMI) pada 22 dan 23 Oktober 1990.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada seminar-seminar tersebut satu lagi langkah adalah membantu syarikat-syarikat mematuhi kehendak-kehendak Amalan Pengilangan Yang Baik (Good Manufacturing Practices). Di dalam hal ini, lawatan-lawatan ke kilang-kilang untuk menyiasat sistem kawalan mutu yang diamalkan serta memberi nasihat cara-cara memperbaikinya telah diadakan.

Akhirnya menganjurkan misi galakan pelaburan dan penyertaan syarikat-syarikat di dalam Pameran Perdagangan Antarabangsa. Di antara tahun 1988 sehingga 1990, sebanyak 13 misi galakan pelaburan telah diadakan, manakala pada tahun 1990 sebanyak 5 Pameran Perdagangan Antarabangsa telah disertai oleh pengeluar-pengeluar sarung tangan getah tempatan.

Tuan Yang di-Pertua: Satu sahaja.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri menerima aduan ataupun maklumat tentang ada pengeluaran sarung tangan yang dikeluarkan oleh Malaysia yang telah ditolak oleh pihak pembeli khususnya dari Amerika Syarikat kerana kualiti dan mutu sarung tangan ini rendah?

Dato' Dr. K.S. Nijhar: Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri menerima aduan daripada pengimport-pengimport dari luar negeri. Ini adalah satu perkara yang biasa di dalam amalan import dan eksport oleh peniaga-peniaga. Walau bagaimanapun, saya ingin menjelaskan di sini, pihak Kementerian berpuas hati dengan mutu, kualiti sarung tangan getah yang dikeluarkan di negara kita.

DASAR DAN STRATEGI PELABURAN KERAJAAN KELANTAN/SABAH

10. Tuan Hassan bin Harun minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sejauhmanakah kesan negatif perbezaan dan percanggahan dasar dan strategi pelaburan Kerajaan-kerajaan Negeri Kelantan dan Sabah kepada perkembangan perindustrian yang seimbang antara negeri-negeri di Malaysia.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Seri Rafidah Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, kerjasama yang rapat di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri adalah penting di dalam penggalakan pelabur. Kerajaan Negeri berperanan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan asas dan menentukan projek-projek dapat diluluskan dan dilaksanakan dengan cepat. Dasar yang sama atau, dengan izin, complementary antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri akan memberi keyakinan kepada pelabur-pelabur bahawa projek mereka itu disokong di semua peringkat jentera Kerajaan. Jika terdapat dasar-dasar Kerajaan Negeri bercanggah dengan dasar galakan pelaburan. Kerajaan Pusat, maka dengan sendirinya pelabur-pelabur tidak akan menempatkan projek-projek mereka di negeri berkenaan. Ini akan merumitkan lagi usaha Kerajaan Pusat untuk menyebarkan industri ke kawasan-kawasan kurang maju.

Kerajaan Pusat memang berhasrat untuk membawa lebih banyak pelaburan ke negeri-negeri yang kurang maju supaya manfaat daripada perkembangan pesat ekonomi negara dapat dirasai bersama oleh semua

pihak, ini termasuk meningkatkan peluang-peluang pekerjaan, pembangunan industri sokongan khususnya bagi sektor industri kecil dan sederhana, perolahan sumber-sumber asli, urbanisasi kawasan-kawasan luar bandar dan juga mengurangkan penghijrahan tenaga pekerja.

Tuan Hassan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Menteri yang berkenaan, adakah indikasi-indikasi yang menunjukkan pihak Kerajaan-kerajaan yang sebutkan tadi, Kelantan dan Sabah telah mengadakan dasar-dasar yang membolehkan pihak pelabur melarikan diri daripada kawasan-kawasan itu.

Dato' Seri Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, mengikut laporan-laporan akhbar yang kita baca, memang ada kenyataan-kenyataan oleh pemimpin-pemimpin Kerajaan Negeri seperti negeri Kelantan yang agak bercanggah dengan apa yang dilakukan oleh Kerajaan Pusat dan juga negeri-negeri lain di Semenanjung dan mungkin akibat daripada kenyataan-kenyataan yang dibuat itu telah agak menakutkan pelabur, kerana mengikut perangkaan, misalnya, bagi negeri Kelantan bagi tahun 1989 - 6 projek telah diluluskan, bagi tahun 1990 cuma 3 projek, tetapi 3 projek ini semuanya diluluskan sebelum November, 1990. Berertilah selepas Oktober, 1990, contohnya dalam bulan November tiada langsung kelulusan projek. Bulan Disember juga tidak ada langsung kelulusan projek di Kelantan.

Di negeri Sabah, dalam tahun 1989 - 36 projek diluluskan, tahun 1990 30 projek. Tetapi lagi sekali, sebahagian besarnya adalah sebelum bulan November kerana dalam bulan November cuma 2 projek diluluskan di Sabah dan semuanya modal tempatan dan tiada modal asing dan bulan Disember, 2 projek dengan hanya \$3 juta modal asing.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini adakah Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri mendapat aduan ataupun maklumat tentang adanya kilang-kilang yang berindikasi kemungkinan akan merelocate atau memindahkan kilang mereka keluar dari Kelantan kerana kenyataan yang telah dikeluarkan oleh pihak Kerajaan Negeri yang bercanggah dengan Kerajaan Pusat. Contohnya, pekerja-pekerja perempuan tidak sesuai bekerja di waktu malam.

Dato' Seri Rafidah Aziz: Sebenarnya, saya tidak ada mendapat aduan mengenai projek yang sudah ada pindah. Mengenai kesesuaian bekerja malam, ini pada pengetahuan saya, pemimpin negeri Kelantan itu telahpun mengubah pendapat yang mengatakan, lepas itu boleh pula wanita Kelantan bekerja malam dengan syarat diikuti oleh muhrim dan sebagainya. Jadi kenyataannya pun berubah-ubah mengikut reality keadaan sebenar.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan akhir sekali

Tuan Hassan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, satu lagi soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Menteri berkenaan, adakah langkah-langkah telah diambil untuk menolong pihak Kerajaan Negeri yang berkenaan, terutama sekali Kerajaan Negeri Kelantan supaya memahami kaedah untuk menarik pelabur ke negeri itu supaya rakyat tidak menjadi mangsa dalam menukar dasar-dasar yang tidak menguntungkan negara?

Dato' Seri Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sebelum Kementerian ataupun Kerajaan Pusat menolong Kerajaan Negeri berkenaan, saya rasa Kerajaan Negeri tersebut haruslah menolong diri sendiri dengan tidak mengadakan dasar-dasar ataupun peraturan-peraturan yang hanya akan menyekat orang-orang sama ada dari

Semenanjung ataupun negeri lain ataupun negara asing datang melabur ke situ. Jadi bantulah diri sendiri dahulu.

PEKERJA MAHIR RAKYAT MALAYSIA BEKERJA DI NEGARA ASING

11. **Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth:** minta Menteri Tenaga Manusia menyatakan sama ada Kementeriannya akan mengkaji semula dasar Kerajaan berkenaan Pengambilan pekerja-pekerja mahir rakyat Malaysia oleh negara-negara asing. Ini adalah disebabkan:-

- (a) industri tempatan (terutama sekali industri berat) sedang berkembang dengan pesatnya dan memerlukan pekerja-pekerja mahir dan terlatih;
- (b) syarikat-syarikat tempatan telah banyak melaburkan wang, masa dan tenaga untuk melatih pekerja-pekerja tempatan dengan tujuan industri mereka dapat berkembang teratur dengan jayanya;
- (c) pengambilan pekerja-pekerja mahir rakyat Malaysia oleh negara-negara asing telah menjejaskan rancangan syarikat-syarikat tempatan Kerajaan:-
 - (i) Tenaga tempatan yang terlatih sangat berkurangan;
 - (ii) Terpaksa mengadakan latihan semula dan melaburkan wang yang lebih tinggi;
 - (iii) Pada masa hadapan banyak lagi industri-industri di negara kita akan dibangunkan.
- (d) kebanyakan syarikat-syarikat di negara asing yang mendapat pekerja-pekerja mahir dan terlatih dari Malaysia adalah merupakan penanding (competitors) utama kepada syarikat tempatan bukan sahaja kerugian pekerja-pekerja mahir/terlatih, tetapi juga perniagaan yang lumayan.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, saya suka memaklumkan bahawa sebenarnya negara kita Malaysia tidak mempunyai dasar yang melarang atau menggalak

pengambilan pekerja-pekerja mahir rakyat Malaysia untuk bekerja di negara-negara asing. Sebaliknya, negara kita mengamalkan dasar ekonomi yang bebas di mana gelagat pasaran buruh adalah menjadi faktor penting yang menentukan faktor-faktor permintaan dan penawaran atau supply and demand tenaga buruh. Oleh itu, Kerajaan tidak boleh menghalang pekerja-pekerja Malaysia, termasuk pekerja-pekerja mahir, untuk bekerja di luar negara bagi memperolehi pendapatan yang lebih baik atau atas sebab-sebab yang lain. Negara-negara lain yang turut mengamalkan sistem ekonomi yang bebas, juga mengalami pengaliran keluar pekerja-pekerja mahir mereka. Perkara ini adalah merupakan satu amalan biasa dalam konteks mobiliti buruh di peringkat antarabangsa.

Jen. (B) Tan Sri Dato' Hohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hormati pandangan yang diberi oleh Yang Berhormat tadi, tetapi negara kita makin berkembang dan makin berkehendakkan kegunaan pakar-pakar yang kita telah latihkan dan telah membayarkan pelajarannya dan segala-galanya. Saya rasa buat masa sekarang ini harus kita membuat satu rule, dengan izin, supaya tidak dengan senang-wenangnya anak-anak muda kita atau pekerja-pekerja kita yang handal itu keluar dan bekerja di negara lain, malah negeri kita sendiri masih lagi berkehendakkan mereka. Dalam pengalaman singkat saya ini....

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf, Yang Berhormat, sekarang Yang Berhormat hendak memberi cadangan sahaja. Tiada soalan tambahan, Yang Berhormat?

Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu, kalau boleh

cubalah adakan satu rule berikutan dengan apa yang kita khuatir terhadap perkara ini.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, menjawab Yang Berhormat berkenaan, ini adalah melanggar dengan Perlembagaan kita mengenai freedom of movement mengenai pekerja-pekerja yang suka keluar negeri dan kalau dia tidak mahu bekerja, kita tidak boleh buat apa-apa.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau itulah dasar kita, apakah Kementerian tidak bercadang untuk membuat satu usul bagi mengubah dan meminda polisi yang ada kerana kita memegang kuasa. Kalau ianya hanya dibiarkan tidak mengikut keadaan dan masa, kita bimbang kerugiannya kepada negara. Soalan saya, adakah Kementerian Yang Berhormat bercadang untuk menerima pandangan ini dan membuat satu usul bagi mengubah polisi yang ada ini.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini kita boleh timbangkan.

BAHASA MALAYSIA DI SEKTOR SWASTA PELAKSANAAN

12. **Puan Hajah Babidah binti Jusoh** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan dan adakah Kerajaan sedar sejak dasar penswastaan negara yang melibatkan jabatan-jabatan/agensi-agensi Kerajaan diswastakan sekarang telah timbul masalah kedaulatan Bahasa Malayu/Malaysia menjadi:

- (a) kedudukan Bahasa Malaysia tidak lagi sebagai bahasa komunikasi utama di syarikat-syarikat swasta; dan
- (b) kebanyakan syarikat-syarikat mengambil pekerja-pekerja yang mahir dan pandai dalam Bahasa Inggeris bukan Bahasa Malaysia.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan telah menjalankan beberapa langkah untuk melaksanakan

penguatkuasaan Bahasa Malaysia dalam urusan rasmi di sektor swasta secara berperingkat-peringkat. Di antara usaha-usaha tersebut ialah:

- (i) Kerajaan sentiasa menggunakan Bahasa Malaysia dalam urusan rasmi dengan pihak swasta dan orang ramai;
- Cii) Jabatan dan agensi Kerajaan diarahkan supaya sentiasa menggunakan Bahasa Malaysia walaupun ada pihak swasta atau orang ramai yang menggunakan Bahasa Inggeris atau bahasa-bahasa lain apabila berurusan dengan pihak Kerajaan.

- (iii) Penggunaan bahasa dalam pengiklanan dan pameran di kedai dan tempat perniagaan serta di kawasan tempat awam yang dibuat oleh pihak swasta akan dikawal oleh Pihak Berkuasa Tempatan.
- (iv) Pindaan kepada Akta Bahasa Kebangsaan dan undang-undang untuk membolehkan Bahasa Malaysia digunakan dengan lebih luas dalam bidang kehakiman dan perbicaraan di mahkamah, secara tidak langsung menggalakkan agensi swasta mahir dalam Bahasa Malaysia.
- (v) Kerajaan juga melalui Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) memberi 'Khidmat Nasihat Bahasa', menganjurkan taklimat dan ceramah tentang Bahasa Malaysia Baku, membuat penelitian penggunaan bahasa dalam iklan media cetak dan media elektronik, memberi khidmat penyemakan bahan, mengadakan seminar tentang masalah penggunaan Bahasa Malaysia, menyebarkan bahan panduan penggunaan bahasa dan menerbitkan pelbagai buku rujukan bahasa. Langkah-langkah positif tersebut adalah khas untuk membantu sektor swasta dalam mempertingkatkan penggunaan Bahasa Malaysia.

Selain dari itu, Kerajaan juga telah bersetuju untuk meminda Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1959, Akta 213, untuk membekalkan DBP dengan kuasa menggalakkan penggunaan Bahasa Malaysia dengan cara yang lebih meluas di kalangan swasta dengan cara memberi petunjuk, teguran, nasihat, latihan, bimbingan dan pengawasan untuk tujuan menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa komunikasi yang lebih berkesan di semua peringkat A.

Oleh yang demikian, adalah tidak benar pendapat yang mengatakan bahawa Dasar Penswastaaan Negara telah menjejaskan kedaulatan Bahasa Malaysia dan kedudukannya sebagai bahasa komunikasi utama.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak ada maklumat dan bukti yang khusus bahawa ada pihak swasta yang sengaja sahaja mengambil pekerja-pekerja yang mahir dalam bahasa Inggeris dan mengeneipkan mereka yang berkebolehan dalam Bahasa Malaysia.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Menyebut Bahasa Kebangsaan, saya ingin penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah perkembangan Bahasa Malaysia baku sekarang ini sudah diperluaskan kerana apa yang saya dapati hanya diucapkan oleh penuntut-penuntut sekolah dan juga TV3.

Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, dari segi perkembangan bahasa memang kita haruslah memperkembangkan bahasa, khasnya bahasa baku dari peringkat ke peringkat. Pada peringkat sekarang Kementerian Pendidikan telah memperluaskan penggunaan bahasa baku di kalangan murid-murid. Kita yakin bahawa selepas mereka keluar dari sekolah, mereka akan lebih memperluaskan penggunaan Bahasa Malaysia baku itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Rosnah.....

Puan Ainon binti Ariffin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Okay, last sekali!

Puan Ainon binti Ariffin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua memang seorang yang sangat flexible. [Ketawa] Soalan tambahan saya ialah sekiranya ada bukti pihak swasta tidak melaksanakan apa yang telah disarankan atau yang telah diundang-undangkan, apakah pihak Kementerian boleh mengambil tindakan?

Dr. Fong Chan Onn; Tuan Yang di-Pertua, seperti saya telah terangkan tadi Kementerian Pendidikan pada masa sekarang tidak ada bukti. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat ada bukti tentang ada pihak swasta yang mengenyepikan penggunaan Bahasa Melayu dan tidak mengikuti undang-undang yang telah dikuatkuasakan, memang Kementerian Pendidikan boleh siasat tentang tuduhan-tuduhan tersebut.

SEJARAH TANAH AIR - MERAKAMKAN

13. **Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada pihak Kementerian ada mengumpul, menulis semula atau merakam bahan-bahan cerita-cerita sejarah di negeri-negeri supaya menambah bahan-bahan bacaan atau mengumpul sebagai khazanah negara.

Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan melalui Dewan Bahasa dan Pustaka sememangnya sentiasa berusaha menerbitkan bahan-bahan bacaan yang berlatarbelakangkan sejarah tanah air. Meskipun tugas pengumpulan dan penulisan ini tidak dilakukan sendiri oleh Dewan Bahasa dan Pustaka sebagaimana yang diusahakan untuk merakam dan mengumpul cerita-cerita rakyat, tetapi Dewan Bahasa dan Pustaka sentiasa berusaha menggalakkan penulis-penulis tempatan melahirkan karya yang mempunyai bahan cerita-cerita sejarah dalam karya-karya mereka. Novel-novel seperti "Panglima Salleh Selempang Merah", "Hari-hari Terakhir Seorang Seniman" dan sebagainya adalah beberapa contoh cerita yang berlatarbelakangkan perjuangan masyarakat tempatan. Selain dari itu, Dewan Bahasa dan Pustaka juga akan menganjurkan peraduan menulis novel yang berunsurkan sejarah tempatan.

HAKMILIK STRATA BANGUNAN BERTINGKAT

14. **Tuan David Yeoh Eng Hock** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan:

- (a) dengan bertambahnya pembinaan bangunan yang memerlukan geran strata, desakan supaya diadakan satu sistem pengurusan yang berkesan semakin bertambah penting, apakah langkah yang diambil oleh Kementerian demi memastikan supaya Perbadanan-perbadanan Pengurusan (Management Corporations) ditubuhkan di segi undang-undang mengikut tempoh masa yang ditetapkan serta mempunyai kuasa berkesan untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab; dan
- (b) memandangkan bahawa pengurusan bangunan-bangunan mencakar langit (bersifat kediaman dan bukan-kediaman) sedang mengalami kerumitan yang amat besar kerana ketiadaan kuasa yang berkesan untuk berurusan dengan pemilik/penghuni yang tidak bertanggungjawab khususnya lewat membuat bayaran dan memandangkan bahawa Malaysia tidak mempunyai sebuah Akta Perbadanan Pengurusan yang berasingan (seperti di Singapura), adakah Menteri berkenaan akan memberi pertimbangan untuk menggubal undang-undang yang serupa di Malaysia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi

[**Tuan Mohd. Noh bin Rajab**]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, memang benar bahawa pembangunan perumahan kini semakin bertambah pesat khususnya dengan pembinaan bangunan-bangunan berbilang tingkat di seluruh negara, khasnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Akibat daripada itu, permintaan untuk hakmilik strata bagi bangunan-bangunan itu turut meningkat. Sesungguhnya, pengeluaran hakmilik strata bagi bangunan-bangunan berbilang tingkat itu melibatkan soal pengurusan bangunan. Oleh itu, suatu Akta Hakmilik Strata yang telah digubal dan diluluskan pada tahun 1985 telah memperuntukkan suatu sistem pengurusan bangunan yang lengkap. Dengan

demikian itu, sesuatu bangunan yang telah dikeluarkan hakmilik strata akan diurus dan dikendalikan oleh sebuah perbadanan yang dinamakan Perbadanan Pengurusan.

Sukacita dimaklumkan bahawa Akta Hakmilik Strata 1985 telah menetapkan cara penubuhan Perbadanan bagi bangunan-bangunan berbilang tingkat yang bukan kos rendah dan bangunan-bangunan berbilang tingkat kos rendah.

Bagi bangunan-bangunan yang bukan kos rendah itu, perbadanan pengurusan ditubuhkan secara automatik sebaik sahaja hakmilik-hakmilik strata didaftarkan. Secara khususnya, peruntukan-peruntukan seksyen 43 Akta Hakmilik Strata menetapkan tugas-tugas dan kuasa-kuasa perbadanan pengurusan. Secara amnya, terdapat peruntukan-peruntukan lain dalam Akta itu yang juga menyentuh tugas-tugas dan kuasa-kuasa perbadanan pengurusan.

Bagi bangunan-bangunan berbilang tingkat kos rendah, penubuhan perbadanan pengurusan adalah melalui dua cara. Pertama, perbadanan pengurusan akan diwujudkan pada tarikh kesemua unit rumah pangsa itu telah dipindahmilik oleh tuan tanah/pemaju kepada pembeli-pembeli. Atau, kedua, Pengarah Tanah dan Galian mengarahkan supaya perbadanan pengurusan diwujudkan apabila berpuashati dengan permohonan daripada pemilik-pemilik yang jumlah unit syer rumah pangsa mereka melebihi 50% daripada jumlah besar unit syer bagi bangunan itu. Tugas-tugas dan kuasa-kuasa perbadanan pengurusan juga ditetapkan dalam seksyen 63 Akta itu.

Kesemua tugas-tugas dan kuasa-kuasa perbadanan pengurusan yang ditetapkan itu adalah untuk menjamin perjalanan pengurusan bangunan dengan lebih licin dan teratur.

- (b) Berhubung dengan soal pengurusan bangunan berbilang tingkat yang dipecah bahagi, pihak Kerajaan percaya dan yakin bahawa sistem pengurusan bangunan yang diadakan dalam Akta Hakmilik Strata 1985 adalah lengkap dan memadai. Secara ringkasnya, Akta itu telah, di antara lain, menetapkan hak-hak serta tanggungan-tanggungan pemilik-pemilik dan tugas-tugas serta kuasa-kuasa perbadanan pengurusan. Kerumitan yang dialami oleh perbadanan pengurusan bukanlah kerana ketiadaan kuasa yang berkesan. Sebenarnya, keberkesanan kuasa-kuasa yang ada pada perbadanan pengurusan bergantung kepada kesanggupan serta kesediaan perbadanan itu untuk menggunakan dan menjalankan kuasa-kuasa itu dengan sepenuhnya. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan memang mengambil maklum tentang masalah-masalah pengurusan bangunan yang dibangkitkan oleh pihak-pihak yang berkenaan. Dalam pada itu, Kerajaan akan dari semasa ke semasa meninjau dan mengkaji semula Akta Hakmilik Strata 1985 agar dapat memperkemaskan dan memperbaiki lagi sistem pengurusan bangunan demi kebaikan semua pihak berkenaan.

EKSPORT KAYU GERGAJI - KUTIPAN LEVI

15. **Tuan Foo Boon Liang** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sejak 1hb September 1990, levi ke atas 21 jenis kayu gergaji untuk pasaran luar negeri dilaksanakan, daripada jumlah yang dikutip itu, berapa banyakkah yang dibelanjakan untuk kempen ANTI SUASANA LUAR NEGERI.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, adalah tepat seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat bahawa kutipan levi ke atas eksport beberapa jenis kayu gergaji akan digunakan, antara lain untuk menentang kempen anti kayu tropika. Oleh kerana kutipan levi tersebut akan dimasukkan ke dalam sebuah tabung yang akan ditadbirkan oleh pihak industri, langkah-langkah sedang diambil untuk menubuhkan badan industri yang sesuai untuk tujuan tersebut. Dengan demikian, belum ada lagi perbelanjaan dibuat dari tabung tersebut bagi menentang kanpen sepertimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Dalam pada itu, usaha-usaha terus dijalankan untuk menentang kanpen tersebut dimana sesuai dan perlu.

SAMSU HARAM DI ESTET-ESTET

16. **Tuan P. Balaram** minta Menteri Kewangan menyatakan:
- (a) adakah Ketenterian itu sedar bahawa masih terdapat samsu haram di estet-estet dan pekan-pekan;
 - (b) apakah langkah-langkah yang diambil untuk menghalang penjualan samsu haram itu atau menghapuskan samsu harairi itu sama sekali; dan
 - (c) berapa orangkah ditangkap dan dihukum kerana membuat, mengedar dan menjual samsu haram pada tahun 1989 dan 1990.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Loke Yuen Yow]: Tuan

Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Kewangan memang sedar bahawa masih terdapat samsu haram di estet-estet dan pekan-pekan. Tetapi pengedaran dan penjualannya adalah begitu terhad kepada kawasan-kawasan pendalaman yang terpencil dan jauh dari pejabat agensi penguatkuasaan. Dalam pada itu, kuantiti samsu yang terlibat adalah kecil.
- (b) Langkah-langkah yang diambil untuk menghalang penjualan atau untuk menghapuskan samsu haram adalah seperti berikut:-
 - (i) Membuat rondaan, pemeriksaan dan serbuan daripada masa ke semasa ke kawasan yang dikenalpasti sebagai tempat menyuling atau membuat samsu haram serta premis yang dikenalpasti sebagai tempat menjual dan mengedar samsu haram terutamanya di kawasan estet-estet dan pekan-pekan tertentu.
 - (ii) Memberikan hadiah kepada orang-orang ramai yang memberikan maklumat kepada Bahagian Pencegah Jabatan Kastam mengenai kes-kes penyeludupan dan juga penyulingan serta penjualan samsu haram di kawasan masing-masing.

- (ii) Mengadakan operasi khas membanteras samsu haram dari masa ke semasa jika ada maklumat risikan mengenai bertambahnya pengeluaran, pengedaran dari penjualan samsu haram.
 - (iv) Mendakwa di mahkamah ke atas mereka yang terlibat dalam aktiviti mengilang dan memperdagangkan samsu gelap. Hukuman berat dikenakan ke atas mereka yang didapati bersalah.
 - (v) mengeluarkan lesen-lesen mengilang ataupun menyuling dan memperdagangkan samsu dengan syarat-syarat tertentu. Sehingga kini sebanyak 16 buah lesen telah dikeluarkan oleh Jabatan Kastam menyuling dan memperdagangkan samsu di seluruh negara.
- Cc) Jumlah orang yang ditangkap dan dihukum kerana nembuat, mengedar dan menjual samsu haram pada tahun 1989 ialah 2 orang dan pada tahun 1990 adalah 13 orang.

UNDI SECARA POS BAGI ANAK KAPAL

17. Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar terdapat anak-anak kapal yang berhak mengundi tidak dihantar borang-borang mengundi cara pos.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah kurang jelas. Jika dimaksudkan dengan "'anak-anak kapal' itu ialah anggota Tentera Laut, maka mereka adalah layak mengundi secara pos dan telahpun diberi

undi pos. Jika yang dimaksudkan adalah anak-anak kapal dagang, maka mereka tidak termasuk dalam golongan yang layak mengundi secara pos. Dalam konteks ini, masalah anak-anak kapal tidak diberi kertas undi pos tidak berbangkit.

DASAR EKONOMI BARU - PENCAPAIAN

18. Tuan Dahalan bin Haji Embun minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah pencapaian Dasar Ekonomi Baru iaitu dari segi membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat; dan apakah masalah-masalah utama pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru,

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, kemajuan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru semenjak ianya dilancarkan pada tahun 1970 telahpun ditunjukkan dalam dokumen-dokumen pembangunan lima tahun Kerajaan. Oleh itu, saya berharap Ahli Yang Berhormat sudi merujuk kepada dokumen berkenaan bagi mendapatkan maklumat-maklumat terperinci.

Secara ringkasnya, hasil dari pertumbuhan ekonomi dan juga program-program Kerajaan, purata pendapatan isirumah bagi semua rakyat Malaysia didapati telah meningkat dari \$264 sebulan pada tahun 1970 kepada \$1,074 sebulan pada tahun 1988. Program-program yang bertujuan membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat telahpun menghasilkan kejayaan yang menggalakkan sungguhpun Kerajaan sedar masih banyak lagi yang perlu diusahakan. Kadar kemiskinan secara keseluruhannya di Semenanjung Malaysia telah dikurangkan daripada kira-kira 49% pada tahun 1970 kepada kira-kira 15.0% pada tahun 1990. Dalam tempoh yang sama, jumlah isirumah miskin juga telah berkurangan daripada 791,800 kepada kira-kira 436,400 orang. Pendapatan purata bagi kumpulan isirumah 40% terendah telah meningkat daripada hanya kira-kira \$79 sebulan pada tahun 1970 kepada \$348

sebulan pada tahun 1989. Kaniskinan di kedua-dua kawasan bandar dan luar bandar serta di Sabah dan Sarawak juga telah mencatatkan arah aliran yang berkurangan.

Dari segi penyusunan semula masyarakat, pemilikan saham oleh kaum bumiputera dalam sektor koperat telah meningkat daripada hanya kira-kira 2% di awal pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru kepada kira-kira 19.4% pada tahun 1988, sementara pemilikan oleh rakyat Malaysia yang lain juga meningkat daripada 34% kepada kira-kira 57%. Bahagian gunatenaga bumiputera dalam beberapa bidang pekerjaan ikhtisas dan teknikal tertentu telah bertambah daripada 5% sahaja pada tahun 1970 kepada kira-kira 25% pada tahun 1988.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, sejak tahun 1985 negara telah mengalami kesan-kesan negatif kemeleketan ekonomi dunia dan ini telah menjejaskan beberapa pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru, lebih-lebih lagi matlamat penyusunan semula masyarakat. Faktor ini bersama dengan beberapa faktor seperti kelemahan daya maju ekonomi masyarakat bumiputera sendiri merupakan antara masalah utama pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Dalam konteks ini, Kerajaan berpendapat usaha-usaha untuk mengatasi masalah kemiskinan dan ketidakseimbangan di kalangan kaum di negara ini perlulah diteruskan di tahun-tahun akan datang.

Tuan Azumu bin. Tak: Tuan yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan bercadang hendak membentangkan Laporan MPEN dalam Dewan ini, dalam sidang ini?

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, Laporan MPEN MPEN baru telah diserahkan kepada Kerajaan dalam bulan ini dan Kerajaan telah inengkaji segala Laporan MPEN itu. Jadi, sekiranya perlu, ia akan dibentangkan di Dewan ini pada masa yang akan ditentukan oleh Kerajaan.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam konteks penyusunan semula masyarakat, adakah Kerajaan sangat puas hati dalam segi pekerjaan kaum-kaum di dalam Malaysia ini telahpun ditukar dalain konteks penyusunan semula masyarakat?

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya kata dalam soalan saya tadi, beberapa matlamat Dasar Ekonomi Baru termasuk penyusunan semula masyarakat belum mencapai tahap yang dikehendaki oleh Kerajaan. Maka kita akan menekan dalam dasar-dasar yang mengambilalih Dasar Ekonoini Baru ini bahawa usaha untuk menyusun semula masyarakat akan diteruskan pada tahun-tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, semua soalan siap pada hari ini telah dijawab. Oleh sebab itu, kita boleh terus pergi kepada perkara yang lain dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini.

RANG UNDANG-UNDANG
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1991

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." **[19hb Februari, 1991]**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tuan Mustafa Awang menyambung ucapannya.

3.31 ptg.

Tuan Mustafa bin Awang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk menyambung ucapan saya, pada hari semalam dan saya lebih dahulu mengingatkan bahawa kalau ada di antara pegawai-pegawai Kerajaan daripada Menterinya sampai ke bawah rasa tercuit, makna itu adalah cuit sayang, kerana mungkin ada saya akan sebut.

Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan serta terima kasih terutama sekali kepada para Menteiri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan pegawai-pegawai Kerajaan dari tinggi ke rendah yang telah menyumbang tenaga dan fikiran bagi melaksanakan projek untuk kemajuan negara dan rakyat dari Rancangan Malaysia Pertama sehinggalah kita masuk ke gelanggang Rancangan Malaysia Keenam. Insya Allah kita akan berjaya pada masa-masa yang akan datang.

Oleh kerana memandangkan sekarang ini Kerajaan cuba sedaya upaya hendak menswastakan mana-mana Jabatan Kerajaan, maka sedikit sebanyak pada hemat saya akan tergugat pekerja ataupun pegawai-pegawai Kerajaan terutama sekali di kalangan profesional. Apabila mereka hendak dipindahkan daripada bekerja 100% dengan Kerajaan kepada badan yang diswastakan, kadang-kadang timbul masalah.

Jadi dengan sebab itu saya cadangkan supaya pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bersama-sama Jabatan Perkhidraatan Awam dengan persetujuan Kerajaan apabila menerima pegawai dan kakitangan Kerajaan hendaklah dalam bentuk kontrak atau sementara sekurang-kurangnya dalam tempoh 10 tahun atau 15 tahun. Sebab dalam tempoh sepanjang ini boleh kita ketahui sejauh manakah taat setianya dan wibawanya pegawai-pegawai yang berkenaan berkhidmat dengan Kerajaan.

Sebagaimana saya sebut, Tuan Yang di-Pertua, saya terhutang budi dan negara terhutang budi kepada pegawai-pegawai Kerajaan. Dalam banyak bilangan pegawai Kerajaan lebih daripada 800,000 tidak kurang peratusnya yang menipu Kerajaan. Sekali gus menipu dirinya sendiri dan menipu anak isterinya dan menipu bangsanya. Bukti dan dalilnya nyata. Berapa ramai pegawai Kerajaan yang berkolar putih yang telah melakukan perkara-perkara tidak senonoh yang mereka ini orang-orang pandai, ahli-ahli akademik. Kadang-kadang kalau dia tipu lebih daripada ribu juta. Yang kecil-kecil dari sekolah atap bekerja dengan Kerajaan, kalau dia tipu tidak lebih daripada \$500. Dengan sebab itu saya berpendapat negara kita sekarang ini sedang

memasuki alam sains dan teknologi. Bahasa bakunya "teknologi". Tetapi Menteri sendiri pun tidak bercakap bahasa baku. Jadi saya pun bercakap bahasa Johor-Riau. TV1 dan TV2 pun tidak guna bahasa baku, TV3 yang guna. Jadi ketam hendak suruh anak dia jalan betul mana boleh. Tidak bolehlah, kerana TV itu alat Kerajaan. Alat yang paling penting, pandang dan dengar. Kena tiru. Sehingga ada digelar sebagai orang penagih TV. Kalau TV sendiri jalan lintang-pukang macam mana rakyat mahu ikut. Malang, Menterinya tidak ada. Kalau tidak, sebu muka. Memang kita akan sentuh ini.

Dengan sebab itu saya cadangkan Kerajaan bersetuju membuat apa juga peraturan supaya pegawai-pegawai Kerajaan pada masa-masa akan datang ini diterima dalam bentuk kontrak. atau sementara sekurang-kurangnya 10 atau 15 tahun. Saya yakin, apabila saya sebut kontrak dan sementara sama ada pegawai di depan mahupun di belakang saya, memang rasa hendak marah. Hati dia terasa, Yang Berhormat ini kacau sahaja. Kita sudah duduk elok-elok, kerja tiga tahun confirm dia hendak suruh kerja kontrak. Tetapi barang diingat, Tuan Yang di-Pertua, ada pegawai-pegawai Kerajaan ini apabila dia dapat peluang yang baik di tempat lain, dia hendak berhenti dia kena bayar \$70,000 cash. Kalau dia anak miskin, dia tidak mampu hendak bayar walaupun dia sudah kerja lima tahun, sepuluh tahun dengan Kerajaan. Kalau gaji dia \$5,000 gaji dia tidak mampu bayar \$70,000 cash.

Dengan sebab itu dia terpaksa jual gadai kepada kompeni-kompeni ataupun mana-mana badan yang memerlukan tenaga kerja pegawai itu sendiri. Maksud saya jual-gadai, kompeni tolong bayar duitnya

\$70,000 atau \$50,000 apabila dia ke sana walaupun dia dilantik sebagai orang besar, pegawai eksekutif maka suara dia tawar tidak ada garam. Sebab taukeh kompeni yang berkenaan cakap "awak jangan cakap banyak, awak saya sudah beli. Harga awak \$70,000. Bayar balik potong gaji." Tidak boleh juga.

Jadi maksud saya tadi, terima sementara Kerajaan hendaklah buka jalan seluas-luasnya kepada pegawai ini, apabila dia hendak berhenti jangan minta balik \$70,000. Beri chance sama dia. Ini pun satu khidmat Kerajaan kepada pegawai berkenaan mengenang budi dan mengenang jasa. Dia pun tulis surat berhenti terus pergi ke tempat yang berkenaan.

Saya difahamkan, ada pegawai Kerajaan yang terima gaji \$3,500 hingga \$4,000 tetapi kalau dia ke tempat lain dia akan terima gaji antara \$15,000 hingga \$30,000. Oleh kerana dia terikat dengan Kerajaan dia terpaksa terima. Saya tidak tahu dalam Dewan ini ada atau tidak. Tetapi ada pegawai yang berkenaan. Dan saya diberitahu, patut saya terima \$15,000 hingga \$30,000 tetapi sekarang saya terima \$5,000 paling banyak. Saya kata dengan dia mengapa tidak berhenti? \$70,000 kawan, cash mahu bayar! Dengan sebab itu saya cadangkan terima pegawai Kerajaan dalam bentuk kontrak atau sementara dalam tempoh 10 hingga 15 tahun. Maka sesuaiilah dengan tawaran Kerajaan, pegawai Kerajaan tidak terima pencen maka

dimasukkan ke dalam caruman KWSP. Sebab, Tuan Yang di-Pertua, pegawai-pegawai Kerajaan kena ingat kita tidak sangka Pejabat Pos juga hendak diswastakan. Pada hal pejabat ini untung. Jual kertas gambar raja, satu inci panjang, tiga suku inci lebar harga \$1,000. Mana ada kertas dalam dunia sekecil itu, semahal itu harga. Melainkan ada di Pejabat Pos, setem! Kertas setem itu sangat mahal nilai dia. Dan dalam kertas ini pun Jabatan Pos \$10 dia belanja. \$10 ini menunjukkan Jabatan Pos untung. Kalau Jabatan Pos untung mengapa hendak diswastakan? "ALasan Kerajaan hendak mengurangkan bilangan pegawai-pegawai Kerajaan, kononnya pada masa akan datang menjadi satu beban kepada Kerajaan mencari duit bayar gaji pegawai-pegawai Kerajaan. Jadi dengan sebab itulah saya cadangkan "sedia payung sebelum hujan" kepada pegawai-pegawai yang berkenaan.

Saya tidak yakin bahawa semua pegawai Kerajaan seratus-peratus, walaupun gajinya \$200 hendak bekerja dengan Kerajaan dengan tulus ikhlas, lillahi-Taala, saya rasa seribu tak ada seorang. Wakil-wakil rakyat, Ahli-ahli Yang Berhormat ini cubalah beri elaun \$200 sebulan, mampus mereka tak nak mari, Tuan Yang di-Pertua. Beri elaun hanya \$200 sebulan, tak mari, tak berebut hendak jadi Yang Berhormat. Kerana ini memerlukan makan-minum dan perbelanjaan. Oleh sebab itu kita mahu dan apa lagi keadaan sekarang ini. Jadi, saya sekali lagi cadangkan bahawa supaya Kerajaan memikirkan apabila menerima pegawai pada masa-masa akan datang ini biarlah dalam bentuk kontrak atau sementara. Sama ada kalau Kerajaan tidak mahu, senang kita pecat dia. Kalau pegawai Kerajaan itu tidak mahu berkhidmat dengan Kerajaan, dia tidak menanggung beban, dia boleh keluar bila-bila masa sahaja.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya akan bertolak kepada Jabatan Perdana Menteri. Ada juga orang sebut Jabatan Perdana Menteri ini kadang-kadang dengan rasa takut-takut, mentang-mentanglah Perdana Menteri ada di situ, kononnya Jabatan Perdana Menteri istimewa, sepatutnya bukan begitu. Saya rasa tidak kecewa tetapi sebahagian daripadanya rasa kecewa iaitu mengenai Hal Ehwal Agama di Jabatan Perdana Menteri. Secara kebetulan Timbalan Menteri berkenaan ada bersama-sama di sini, beliau mendengar apa yang saya kata. Pada hari ini di mana-mana kita ada mendengar pengajaran agama sesat, pengajaran agama yang seleweng. Jadi keliru, saya

pun keliru. Agama sesat ini agama apa? Pengajaran agama sesat ini agama apa? Agama Islamkah? Agama Hindukah? Agama Kristiankah atau agama Buddha? Apabila disebut di TV, di surat-khabar mengenai penyelewengan, pengajaran agama sesat, jadi kepada rakyat yang agak kurang tangkapan otaknya, dia rasa tertanya-tanya agama apa ini? Jadi, biarlah kita jelaskan bahawa agama Islam, ilmu, hukum-hukum dalam agama Islam itu telah diselewengkan.

Agama Islam itu sendiri tidak menyeleweng. Agama Islam itu Islamlah disebut. Cara penyampaian itu diselewengkan. Oleh itu saya minta Bahagian Hal Ehwal Agama di Jabatan Perdana Menteri ini memperb tulkannya. Saya takut rakyat juga turut seleweng kepalanya menjadi sewel.

Tuan Yang di-Pertua, kita pernah tanya juga di Dewan ini berapa banyak kumpulan ataupun bilangan orang-orang yang mengajar agama Islam dalam bentuk penyelewengan tentang hukum dan cara-caranya. Jawapannya banyak, berpuluh-puluh. Jadi, kita tidak pula diberitahu apakah tindakan yang wajar, tindakan yang sesuai, tindakan yang menasabah kepada pihak mereka ini sama ada dipenjara, atau dihukum dengan duit ringgit ataupun disebat ataupun dibuang negeri terhadap mereka yang menyesatkan orang lain. Kalau boleh, Tuan Yang di-Pertua, Bahagian Hal Ehwal Agama di Jabatan Perdana Menteri ini juga mensesenaraikan apakah jenis-jenis pengajaran yang dikatakan sesat itu. Sekurang-kurangnya boleh diketahui oleh rakyat jenisnya. Jadi,

kalau disebutkan dengan perkataan sesat sahaja, cara mana sesat, lagu mana sesat tak diketahui. Saya rasa rakyat akan keliru. Apabila keliru, sama-sama keliru, murid akan jadi cikgu dan cikgu akan jadi murid. Apabila keadaan ini sudah bertukar, suasana negara ini akan bercelaru. Tambahan pula ada sebahagian parti politik di negara ini yang telah mengambil kesempatan memasukkan dalam fikiran rakyat bahawa partinya sahajalah Islam dan parti lain selain daripada partinya parti kafir laknat. Ini menimbulkan rasa risau di kalangan rakyat terutama sekali di kawasan-kawasan Pantai Timur.

Jadi, dengan sebab itu saya, Tuan Yang di-Pertua, sangat-sangat berharap khususnya kepada Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang saya percaya akan menggunakan kebijaksanaannya bagi menyelesaikan masalah ini sedikit demi sedikit sehingga ianya akan selesai walaupun memakan masa beberapa tahun.

Maka hendaklah ianya berusaha bersungguh-sungguh supaya keadaan ini tidak akan berlaku kerana ada di antara pengajaran-pengajaran ini apa yang telah saya difahamkan cikgunya lelaki atau tuan gurunya lelaki, mengajar muridnya wanita di dalam gelap, tanpa lampu, apa lagi lampu elektrik, malahan lampu pelita pun tak ada.

Kononnya dalam waktu gelap begitulah ilmu-ilmu yang diajarkan ini. lebih mustajab dan yang paling anehnya lagi, sewaktu hendak menerima fatwa, menerima ijazah daripada tuan guru ini, tuan guru menggigit syiling yang bernilai 50 sen atau 20 sen.

Saya contohkan di Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua, gurunya menggigit syiling dan disuruh anak muridnya menggigit syiling ini ambil daripada mulut guru itu. Kalau sayalah menjadi guru, saya akan pilih murid yang hendak saya ijazahkan ini paling kurang umurnya 20 tahun ke bawah - paling kurang 20, 21 tahun tak mahu, 20 tahun ke bawah. Ini amalan dibuat dalam keadaan gelap.

Cubalah Tuan Yang di-Pertua bayangkan kerana tuan guru ini tidaklah setua Yang Berhormat Senator Tuan Haji Mohd. Noor ini tetapi masih muda. Kalau setara dengan Tuan Haji Mohd. Noor ini pun belum tahu, umur sahaja tua. Sebagaimania kata Yang Berhormat Dato' Fauzi tadi, Ahli-ahli Yang Berhormat ini bukan tua, walaupun umur tua tetapi semangat masih muda. Pengajian dalam gelap dan kalau murid-muridnya 30 orang atau 40 orang, maka 40 kali duit syiling itu hendak diambil dari mulut ke mulut. Bayangkan sahajalah. Sayapun seriau rasanya.

Jadi, saya haraplah terutama sekali Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, supaya seberapa daya upaya yang pertama senaraikan jenis-jenis pelajaran yang dikatakan sesat. Hendaklah disebarkan kepada rakyat sama ada ke surau-surau, masjid-masjid atau di mana-mana sahaja supaya diketahui oleh umum, sekurang-kurangnya dapat menatap, rupa-rupanya ini jenis pelajaran yang menyesatkan. Maka hendaklah kita tolak dan sebagai orang Islam kita akan menolak pengajaran ini daripada guru mana sekalipun.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya juga akan bertolak kepada Kementerian yang lain iaitu Jabatan Perangkaan. Jabatan ini dari semalam saya sudah sebut, ia kena bekerjasama dengan Suruhanjaya Pilihanraya untuk membanci rakyat. Selepas itu, Badan Pencegah Rasuah sudah disebut oleh saudara saya. Walau bagaimanapun ada bentuk rasuah yang lebih menarik dan lebih moden, saya pun pernah sebut di sini dan saya teringat satu buku atau novel yang dikarang oleh seorang dari Sulawesi. Buku ini dahulu namanya 'Aku bukan Nabi', selepas itu ditukar nama buku ini dengan nama 'Lingkar'. Dia menggambar dalam buku ini suatu bentuk rasuah yang sangat menarik. Rasuah ini tidak berlaku dalam negeri tetapi ia berlaku di luar negeri, ia berlaku di Hong Kong, ia berlaku di Tokyo, ia berlaku di Jakarta dan di mana-mana sahaja pekan atau bandar yang besar dalam dunia ini. Dengan sebab itu Badan Pencegah Rasuah kalau boleh, dan saya percaya sudah pun ada pegawai-pegawainya yang terlatih mahir dihantar ke negara-negara yang berkenaan yang sering dilawati oleh taukeh-taukeh dan mereka yang berkemampuan serta berkuasa bagi rundingcara di sana untuk mendapat sesuatu di negara ini.

Saya suka menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua kerana ada di antara kita, malah berlaku di Kementerian atau di Jabatan, tender yang bernilai \$150 juta boleh melaksanakan projek ini dengan tidak menjejaskan keteguhan dan keutuhan bangunan dan sebagainya, tetapi ada mereka mencadangkan yang \$650 juta itu lebih baik. Bezanya hampir \$400 juta lebih. Maka tidakkah ini satu bentuk rasuah? Kalau ini akan berlaku seratus kali atau seribu kali dalam negara kita, maka jawabnya, kosong. Negara akan memiliki angin - kosong. Pada lahirnya sahaja elok, tetapi di dalamnya kosong.

Akibatnya akan lahirlah rakyat yang tidak puas hati, rakyat yang sakit hati dan akan menentang Kerajaan, paling kurang dengan mulut lidahnya dan selepas itu akan menggunakan senjata. Saya yakin perkara ini tidak mustahil berlaku sekalipun sehingga sekarang ini kita dengar di negara-negara lain apabila Kerajaan mentadbir dan memerintah secara kurang adil, pembahagian harta negara tidak adil, maka rakyatnya memberontak, Kerajaan boleh ditumbangkan dalam tempoh seminggu atau dua minggu, ditukar ganti dengan Kerajaan yang lain.

Apakah tidak terfikir oleh kita, Tuan Yang di-Pertua, Malaysia juga akan berlaku dalam tempoh yang tidak berapa lama lagi kalau ini tidak dihapuskan dengan cara bersungguh-sungguh dan sesuai pula bahawa negara Malaysia ini semacam ataupun seolah-olah anak dara pingitan, anak dara yang cantik, anak dara yang elok yang semua jejak berminat kepadanya.

Jadi, dengan sebab itulah anasir-anasir dari dalam dan luar negara senantiasa ada. Sekalipun PKM telah bersetuju menandatangani perletakan senjatanya, tidak mahu membunuh sama ada askar kita, pegawai-pegawai keselamatan negara kita, rakyat dan siapa sahaja, tetapi nasihat yang dibuat oleh Ketua Turus Angkatan Tentera, saya rasa perlu Kerajaan dan rakyat merigambil kira bahawa kefahaman komunis masih wujud di Malaysia ini dan berkemungkinan ianya akan menjalar semula dan bergerak secara aktif tanpa menggunakan senjata, tetapi menggunakan diplomasi komunis yang saya kira lebih merbahaya daripada menggunakan senjata.

Satu contoh, Tuan Yang di-Pertua, puluhan tahun yang lalu negara Malaysia ini tidak dikenali sebagai negara di mana rakyatnya menghisap dadah, hanya kita membaca sejarah walaupun sejarah dadah

ini pernah wujud dalam dunia beribu-ribu tahun yang lalu, sama ada di sebelah Timur Tengah dan negeri China, tetapi hari ini ia sudah masuk ke mari, sudah melarat meresap masuk ke negara kita.

Mengikut bancian dan bilangan yang menyalah-gunakan dadah ini kebanyakan peratusnya ialah anak-anak bumiputera Melayu dan sebahagian lain terdiri daripada anak-anak muda bukan daripada orang-orang Melayu. Daripada bilangan peratus yang banyak ini daripada anak-anak ocang Melayu, terdiri pula daripada kalangan anak-anak orang-orang yang berada.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pernah dengar bahawa anak Menteri umpamanya, anak-anak Wakil Rakyat umpamanya, anak-anak Tuan Kadi umpamanya, anak-anak Pak Imam umpamanya menjadi komunis, tetapi wabak penyakit menyalahguna dadah ini telah melibatkan anak-anak yang terdiri daripada kalangan seperti ini. Alasan mereka kerana anak-anak ini ibu bapanya mempunyai duit ringgit yang berlebihan daripada kalangan anak-anak orang miskin.

Jadi, dengan sebab itulah kefahaman komunis, sekalipun senjata telah diletakkan, ianya masih wujud dan kita bimbang kemungkinan ini akan bergerak cergas dalam bentuk yang lain. Yang jelas kita nampak ialah menggunakan alat-alat seperti dadah ini supaya anak-anak kita, malah ada di antara pelajar-pelajar pengajian tinggi kita telah menjadi lali kerana penyalahgunaan dadah.

Tuan Yang di-Pertua, dengan sebab itu saya berharap Kementerian Dalam Negeri yang menjadi tonggak kepada beberapa jabatan yang berkenaan, memainkan peranan ini berlipat kali ganda. Saya tidak menafikan bahawa Kementerian Dalam Negeri ini telah memainkan peranan yang bersungguh-sungguh bagi membasmi keadaan ini. Tetapi saya yakin masih kedapatan jerung-jerung yang mengedar dadah ini yang datangnya dari kawasan pagar-pagar istana dan tembuk-tembuk batu yang sukar dimasuki.

Walau bagaimanapun sebagai sebuah Kerajaan yang berdaulat, saya berharap sebelum ianya terlanjur, sebelum negara ini akan menjadi hancur-lebur, maka Kerajaan akan menggunakan kuasa-kuasa yang ada ini bagi membasmi dengan seberapa daya dan upaya.

Tuan Yang di-Pertua, seiring dengan itu, saya cadangkan daripada 15 gram, baru ditaligantungkan, diturunkan kepada 10 gram sahaja, kita jatuhkan ia hukuman mati mandatori.

Tuan Yang di-Pertua, Badan Pencegah Rasuah ini juga hendaklah melihat bukan sahaja dalam bentuk wang ataupun mata benda. Rasuah kadang-kadang digunakan 'manusia', digunakan batang tubuh manusia menjadi satu alat untuk mendapat sesuatu. Saya rasa tidak perlu saya segan untuk saya sebut di sini kerana ada yang berkehendakkan kontrak, maka ada orang sanggup menjual orang kepada orang yang ada kuasa menandatangani melulus kontrak. Apakah ini tidak rasuah? Selain daripada duit ringgit, orang dijual untuk mendapat kontrak. Jadi, kepada siapa kontraktor atau pemborong yang tidak mampu dan

tidak sanggup berbuat demikian dengan alasan agama, adat istiadat, kadang-kadang lima tahun pemborong yang berkenaan tidak mendapat sebarang kontrak. Dengan sebab itu saya berharap bagi pihak Badan Pencegah Rasuah, walaupun tidak menangkap, senaraikan nama mereka sama ada ianya dari kalangan mana, kerana saya telah difahamkan kadang-kadang ada orang yang 'bertaring' tidak berani dirapati oleh Badan Pencegah Rasuah. Tentulah mustahil pegawai Kerajaan yang gajinya hanya \$5,000 maka dia sanggup pakai BMW 3 biji di rumahnya, sedangkan kita pasti dia tidak ada hasil lain selain daripada duit gajinya.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap bukan emotional, saya ada kenyataan. Dengan sebab itu saya terpaksa luahkan di Dewan yang mulia ini kerana di sinilah melalui suara dan lidah Wakil-wakil Rakyat, keluhan-keluhan rakyat kami boleh disampaikan. Sebelum laporan MPEN dibentang dan diterima serta dilaksanakan, kerja-kerja terkutuk ini hendaklah dihindarkan. Kalaupun pegawai itu tidak dipenjarakan maka ia perlu dipecat, undur daripada berkhidmat dengan Kerajaan. Dengan sebab itulah pada permulaan ucapan saya tadi, saya menyatakan, saya terhutang budi kepada pegawai-pegawai Kerajaan dan berterima kasih atas usaha yang dibuat selama ini sehingga negara ini dan rakyat menerima pembangunan, menerima kemewahan tetapi ada di kalangan sebahagian daripada mereka telah menipu anak isterinya, menipu dirinya sendiri dan menipu negaranya. Dengan sebab itu lahir dari perasaan saya dengan tulus ikhlas supaya pegawai-pegawai Kerajaan ini apabila diterima kelak adalah dalam bentuk kontrak atau sementara sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak pergi kepada Maksud B.14 - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kata orang di sebelah

Pantai Timur sana, lama sungguh sudah Kementerian ini diberitahu, dimaklum, Kementerian ini berjanji dengan rakyat, dengan Kerajaan. Apa lagi sewaktu-waktu dekat dengan pilihanraya, hendak menyelesaikan masalah supaya tidak teraniaya antara dua belah pihak, pihak membeli dan pihak menjual, kedua-dua tidak teraniaya. Tetapi sehingga hari ini hanya sebahagian kecil sahaja. Apabila kita tanya Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri, "Apa sudahnya Dato' dengan projek rumah di tanjong sana, pegawai Kerajaan ini gajinya dipotong setiap bulan - selesai sudah, certificate untuk duduk rumah belum dapat lagi," dan orang ini kata, "Kami telah potong gaji tiga bulan sudah, selesai tiga bulan sudah bayar, rumah tidak boleh duduk, kena bayar rumah sewa lagi," jawab mereka, "Kita tidak ada kuasa hendak ambil tindakan." Kononnya kuasa tidak ada untuk mengambil tindakan kepada orang yang membina, membuat rumah iaitu housing developers, dengan izin. Kononnya Kerajaan tidak ada kuasa. Ini yang peliknya.

Saya tidak tahu sejauh mana, setakat ini undang-undang ataupun Akta sedang digubal untuk menyelesaikan masalah ini. Rumah ada - tidak siap, tanahnya ada. Kalau sayalah seorang diri layak menjadi Kerajaan, saya buat lagu lain. Awak tidak selesai tidak mengapa, awak boleh jalan. Awak punya tanah, awak punya rumah tidak siap - saya punya, Kerajaan selesaikan.. Kerajaan panggil kontraknya, mahu tidak mahu JKR tidak mengapa - pergi buat. Buat rumah ini sampai siap, panggil si Ali; "Awak sudah bayar dahulu, ada keterangan cukup?" - "Ada." "Ini ambil certificate - duduk di sini,"

Kalau developer itu datang tanya Kerajaan, "mengapa berlaku perkara ini?" "Sebab awak tipu dia, sebab dia anak kami, maka kami terpaksa bertindak sedemikian." Ini yang menghairankan saya, Dia panggil developer itu datang ke Kementerian, nasihat, 'awak sudah habis berapa banyak duit?' "Habis \$10 juta", "sekarang ini awak layak pinjam lagi \$10 juta". Apa lagilah, orang mengantuk disorongkan bantal, pinjam lagi \$10 juta. Bukan itu dibaiki, bukan bangunan yang ditinggalkan itu dibaiki, dia buat projek lain tanpa disedari oleh Kerajaan. Ini yang penyakit, ini lebih daripada penyakit AIDS, ini taun apa dipanggil? Dibuat projek lain, lepas itu rumah ini tidak siap juga, alasannya Majlis Daerah tidak berl lesen, dahulu L.L.N sekarang ini T.E.N, tidak beri api, Jabatan Bekalan Air tidak beri air katanya, paip tidak cukup saiz. Jadi bila hendak selesai?

Saya cadangkan supaya Kerajaan mengambilalih semuanya, sama ada melalui anak-anak syarikat Kerajaan ataupun Kerajaan sendiri bertindak mengambilalih semua projek ini, walaupun ianya berharga \$50,000 juta supaya developer tidak boleh memainkan lagi pembeli. Apabila rumah ini tidak siap, siapa yang rugi? Banyak pihak rugi, yang jelas ada tiga rugi:

- (i) pembeli;
- (ii) developer itu sendiri; dan
- (iii) Kerajaan.

Di mana Kerajaan rugi, Tuan Yang di-Pertua? Cukai api tidak boleh diambil, cukai air tidak boleh diambil, cukai pintu tidak boleh

diambil, sebab rumah tidak siap dan bertali-talilah. kerugiannya. Sepatutnya ada warung di situ, tidak ada warung, sebab rumah tidak siap, kadang-kadang ianya naik hutan semula.

Dengan sebab itu saya mencadangkan bagi menyelesaikan masalah ini, Kerajaan sendiri mengambilalih, membina bangunan ini dengan harta duit Kerajaan. Apabila siap serahkan kepada pembeli, selepas itu baru tindakan diambil kepada developer yang pertama. Kalau dia sudah habis \$10 juta, Kerajaan tambah \$5 juta, bayar balik duit Kerajaan bersekali dengan bunga-bunganya, kalau dia sudah jadi putik pun tidak apa, jangan biar masak, buruk nanti - itu Kementerian Perumahan.

Kementerian Perumahan ini ada agensi-agensinya iaitu Pejabat-pejabat Bomba. Ada setengah-setengah bandar dalam Malaysia ini Pejabat Bombanya baik sedikit daripada kandang kuda. Kementerian ini sangat penting dan Jabatan Bomba ini penting juga. Sekarang ini jarang orang menggunakan pelita, semua orang menggunakan elektrik, sekejap terbakar sana, terbakar sini. Jadi, kalau kereta bomba agaknya lebih kurang macam lori sampah, saya rasa sudah tidak sesuai lagi - tidak sesuai.

Yang kedua, kawasan Jabatan Bomba itu janganlah diletakkan dalam kawasan bandar, kawasan yang sibuk. Kadang-kadang kereta bomba hendak keluar pun banyak halangan, walaupun siren dibunyikan orang tidak peduli, sebab kereta hendak bergerak tidak boleh. Contohnya di Kuala Terengganu, Jabatan Bomba yang ada di Kuala Terengganu itu saya fikir - saya belum ada lagi, dan mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama ini pun belum ada lagi - ia sudah ada di sana, sampai sekarang belum berubah, terletak pula

di ceruk kuala. Kalau berlaku kebakaran, di sini baru hendak start enjin, sana sudah habis hancur.

Jadi, Kementerian ini kena tengok semua perkara ini, patut dicari tempat tinggi sedikit, kawasan bomba ini diletakkan di tempat yang tinggi sedikit, luas sedikit, jadi senang kalau ada orang melaporkan terbakar ini dia sudah nampak dari jauh, tempat tinggi ada 'tubir'. Tuan Yang di-Pertua, faham 'tubir' ya? Jadi senangnya jawabnya, bukan saya hendak minta supaya "Jabatan Bomba di Kuala Terengganu itu diubah ke tempat lain, hendak utamakan, tidaklah. Saya sebut ini semua negeri dalam Malaysia ini kena lihat semula, kena kaji semula oleh Kementerian ini dan kalau perlu baiki - baiki, beri duit cepat-cepat, buat baru. Adakan kereta-kereta baru, ini kereta lama, kena rancang baik-baik.

Yang ketiga, Kementerian Perumahan apabila membuat pekan baru, kawasan perumahan baru memang ada, Unit Perancang Bandar ini sudah sedia tapak untuk. Jabatan Bomba ini, tetapi kadang-kadang rumah itu telah penuh diduduki orang bertahun-tahun, Bomba belum ada lagi. Jikalau boleh biarlah ianya sama serentak. Saya berharap Kementerian berkenaan akan mengambil tindakan supaya perkara ini tidak boleh dipertikaikan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu mengenai Kementerian Perumahan ini juga, saya ingin menyentuh mengenai dengan perancang bandar, kadang-kadang rancang ini cadangan. Ada pegawai-pegawai Perancang Bandar bukan bumiputera diwarnakan tanah bumiputera itu jadi kecil, nilainya jadi rendah, sebab kawasan yang sepatutnya tidak ada jalan, dia kata patut ada satu jalan di sini - ini menyulitkan. Sepatutnya lulus, dia kata tidak boleh lulus, sebabnya begini, begini, inipun harus diambilkira.

Dahulu saya sudah bercakap sekali di sini mengenai apa yang berlaku di Kuala Terengganu, tetapi sudah diselesaikan, mungkin di negeri-negeri lain juga berlaku.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Perumahan ini atas inisiatif Timbalan Menterinya dahulu, dan mungkin sekarang pun begitu kerana mengadakan, mewujudkan pegawai-pegawai Bomba Suka-rela dan selepas itu Kementerian ini menyediakan bayaran pampasan kepada kakitangan Bomba yang jika berlaku kemalangan sewaktu bekerja ataupun dalam tugas, dan lebih baik lagi luar daripada tugas dan yang kena ini biasanya lelaki, yang telah berkahwin dan ianya akan meninggalkan janda, kalau ada pencen pun tidak seberapa, tetapi kalau dia diberi pampasan \$10,000, \$20,000 atau \$30,000 maka ia bolehlah hidup dengan anak peninggalan arwah si mati ini. Saya ucapkan syabas kepada Kementerian Perumahan, tetapi jangan lupa Jabatan Bomba yang terletak di ceruk-ceruk kawasan pekan atau bandar itu diubahsuai ke tempat yang lebih munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, kerana wang yang diberi kepada Jabatan ini saya kira banyak iaitu \$81 juta, maka paling kurang 5 ataupun 6 buah Jabatan Bomba baru boleh dibina bersekali dengan lori tangki dan alat-alatnya di negara ini.

Oleh kerana kita memerlukan kepada volunteer yang bekerja di tempat bomba - biasanya orang tua tidak dikehendaki kerana tenaga sendinya semua sudah sengal-sengal belaka, kita perlu kepada belia. Dengan sebab itu kita kena sebutlah Kementerian Belia. Kementerian Belia ini, Menterinya pun belia, Menteri baru, sepatutnya dia ada, tetapi sayangnya dia tiada, saya tidak tahulah, kerana dia Senator, sepatutnya bersama kitalah. Tetapi mungkin dia ada urusan lain.

Kementerian Belia ini manang kalau kita dengar banyak rancangannya. Di satu masa dahulu, belia dari kampung kita hendak jadikan mereka belia bandar, belia yang agak sosial, belia yang tidak inferiority complex, dengan izin, supaya mereka boleh berjalan seiring dengan belia-belia yang ada di bandar ini. Belia dari kampung datang ke bandar mereka tidak takut kereta, mereka tidak takut bas. Kerana ada belia di pendalaman kalau mereka nampak kereta laju, mereka rasa gerun, mereka takut kena langgar kereta. Jadi pihak Kerajaan telah mengusahakan supaya mereka boleh berjalan seiring dengan memberi mereka kursus di Dusun Tua, di Pertak dan sebagainya.

Ada di kalangan belia pernah menjadi Menteri Besar, jadi Menteri-menteri - itu belia dahulu, kerana dilatih sebelum merdeka dan selepas merdeka. Selepas itu belia diberi peluang lagi menjadi belia tani, tidak lama kemudian cangkulnya hilang, bajaknya entah ke mana, semua tuju ke bandar. Sebab jadi begitu, kerana lada atau cili yang ditanam oleh belia, di luar bandar sebakul \$1 Sekali pungut boleh dapat 5 bakul sahaja - \$5. Mereka kata, "tidak boleh tahanlah". Mereka pergi ke bandar sebab di bandar ada kilang. Di sana kosong. Sekali lagi Kerajaan susah.

Kementerian Belia mencari jalan, "mengapa jadi begini?" Buka RISDA, buka FELDA, buka FELCRA dan sebagainya. Tiada orang hendak potong pelepah kelapa sawit, tiada orang hendak toreh getah, tiada orang hendak pergi tanam padi. Kononnya harapkan belia. Tidak boleh salahkan belia kerana emak bapak belia berpesan dengan anak mereka, kalau bapanya sebagai seorang nelayan, dia berpesan seperti **ini**, "anak, jangan jadi macam bapak, siksa. Mengajilah baik-baik". "Mengaji" ini maknanya bersekolah tinggi, jangan jadi macam bapak seorang nelayan, kais pagi makan pagi. Pesanan ini masuk kepala anaknya. Mereka mengaji bersungguh-sungguh, dengan sebab itulah berapa banyak anak nelayan menjadi pegawai tinggi Kerajaan, mungkin ada dalam Dewan **ini**, saya pun tidak tahu.

Lepas itu serupa juga anak petani, "anak, jangan jadi macam bapak tanam padi", "anak, jangan jadi macam bapak potong getah", "anak, jangan jadi macam bapak tanam sawi". Anak mereka dengar apa yang disebut oleh bapak mereka. Ada setengah bapak berkata, "kalau awak mengaji sekolah tinggi-tinggi, awak boleh kahwin dengan anak dara comel. Selagi awak menjadi anak nelayan, sorry - hanyir jawabnya". Tuan Yang di-Pertua tahu apa "hanyir"? Ikan itu hanyirlah. Kalau mengaji tinggi, insya Allah, akan dapat anak dara comel. Anak dia minat, dia terus mengaji. Bot di mana, perahu di mana sekarang ini? Dengan sebab itulah berlonggok-longgok orang asing menjadi nelayan laut dalam. Tidak lama lagi dia akan menjadi nelayan laut tohor. Laut dalam, boleh tahan, kita tidak nampak fasal 200 batu ke laut. Tidak lama lagi dia akan jadi nelayan laut tohor, lagi bahaya kita. Apa fasal? Fasal emak bapak sudah beri

semangat, Kerajaan sudah beri semangat, Ahli-ahli Yang Berhormat sudah beri semangat, "Tuan-tuan, saudara-saudara sekalian, Kerajaan buka rancangan, ambillah bahagian, belajar tinggi-tinggi - sekolah menengah depan tangga, universiti pun sampai di kampung sekarang ini." Maka semua orang mengaji tinggi, semua orang hendak makan gaji. Mereka belajar di sekolah pertanian, fasal itu mereka hendak makan gaji juga. Patut dia ternak lembu susu, dia hendak bekerja di pejabat. Mana boleh. Ini sudah terbalik, ini yang susah Kerajaan. Fasal apa jadi begini?

Kementerian Pendidikanlah yang bertanggungjawab. Kerajaan adakan Sekolah Vokasional, tetapi cara teknik ini saya fikir tidak betul. Kerajaan kena ubah. Semalam Puan Ainon ada menyebut kurikulum, Kalau jenis minat bertukang, suruh dia jadi tukanglah, senang. Kalau ia ahli syair, penulis sajak, penulis novel, suruh dia tulis novel. Kalau mereka minat jadi doktor, suruh dia jadi doktor. Ini kita tidak. Yang malang kepada kita, Sekolah vokasional ini ada. Yang menyedihkan ialah disuruh murid-murid kikir besi besar lengan supaya besi jadi halus. Ini belajar apa? Tidak guna.

Dengan sebab itu di Dewan yang mulia iai saya mencadangkan Kementerian Pendidikan mengajar kepada murid-murid ini membuat beg tangan dari kulit kambing di kampung mereka, diproses kulit kambing supaya menjadi kulit yang baik. Boleh atau tidak? Kambing yang disembelih di Hariraya Kurban itu ambil kulitnya diproses supaya menjadi kulit yang baik - di sekolah itu. Adakan jenis guru seperti itu. Daripada kulit kambing itu jadikan beg tangan wanita, buat satu untuk cikgu wanitanya, selepas itu buat selipar dari kulit atau

plastik. Tidak usah ajar kikir besi. Ini tidak perlu. Budak baru berumur 14 tahun suruh kikir besi. Nasib baik tidak dibawanya enjin keretapi ke sekolah yang berkenaan suruh baiki. Saya rasa ini tidak betul. Dengan sebab itu saya mencadangkan kepada Kementerian Pendidikan ini, budak sekolah yang masih mentah, masih muda, tangan yang halus ini sama ada lelaki atau wanita, beri mereka pelajaran sehingga mereka lulus SPM atau SPVM, kalau mereka tidak dapat kerja lain, mereka sudah pandai buat beg tangan, sudah pandai buat selipar. Ini paling kurang.

Saya berjalan di Bandaraya Kuala Lumpur ini, jarang saya jumpa loghat Kelantankah, loghat Terengganukah, loghat Kuala Lumpurkah, loghat Kedahkah, loghat Perakkah, loghat Perliskah atau loghat Negeri Sembilankah yang membaiki kasut dalam Bandaraya Kuala Lumpur .

Saya tak pernah jumpa. Yang saya jumpa semuanya loghat lain.

Kita tanya, awak ini dari mana? Dari Surabaya, Pak. Surabaya jauh, cari makan, Pak. Cari makan, tetapi \$50-\$60 satu hari cari makan! Tak apalah, beri. Mana ada orang kita? Saya tak tahu, takut orang lain jumpa loghat Kelantan baiki kasut di atas kaki lima di Bandaraya Kuala Lumpur. Yang saya jumpa semuanya loghat lain, semuanya loghat Indonesia. Ertinya orang itu bukan orang Malaysia, pendatang tanpa izin dari Indonesia yang ramai. Apabila datang Polis dan pegawai yang beruniform, dia terus lari masuk tong kerana dia takut. Mengapa kita tak ubah ini?

Saya harap Kementerian Pendidikan akan mencari jalan mengajar budak-budak yang tangan masih halus ini supaya membuat kerja-kerja yang memberi manfaat kepada murid-murid ini apabila ia keluar kelak.

[Tuan Adam bin Kadir **mempengerusikan Mesyuarat**]

Selain daripada itu, Kementerian ini kadang-kadang bunyi guruh dahulu, kadang-kadang bunyi petir dahulu macam hendak belah bumi, bising, lepas itu satu pun tak jadi. Saya bukan niat hendak mengata, Tuan Yang di-Pertua, sudah bertukar, tetapi amalan bising dahulu ini saya rasa kurang baik. Kalau kita hendak berperang pun kita kena sediakan senapang kita baik, peluru kita cukup, askar kita terlatih, baru betul, ini kita bising dahulu. Saya faham bising ini dalam kaedah politik hendakkan feedback itu bagaimana reaksi, penerimaan, tetapi kalau benda itu benar, takut apa? Serupa bunuh orang, kalau berhak bunuh, bunuhlah dia. Tak berhak bunuh, jangan dibunuh. Mana ada satu orang ibubapa bawa lembing pergi rumah Perdana Menteri kerana anak dia dihukum gantung kerana mengedar

dadah, adakah sehingga hakim tak tidur? Keluarga orang yang kena bunuh mengedar dadah bawa lembing, bawa parang pergi hendak bunuh semula hakim, ada? Hakim menghukum itu kerana mengikut undang-undang, awak lakukan kesalahan maka gantunglah awak. Ini serupa juga, kalau benda yang benar, mengapa kita harus takut, teruskanlah Menteri Pendidikan, takut apa, sedangkan negara ini sebelum merdeka kita ambil dari tangan orang puteh, kita tak takut, inikan pula kita sudah niat baik, buat untuk kebaikan mengapa kita takut? Jangan brake, jalan terus. Jangan main tolak-mari, tak bagus, nanti orang kata kita bacul.

Tuan Adam bin Kadir: Ramai orang tak faham "bacul" itu!

Tuan Mustafa bin Awang: Bacul ini kalau kira penakut atas darat, belum perang sudah takut. [Ketawa] Surrender belum apa-apa. Saya harap Kemeriterian Pendidikan ini akan mengkaji perkara-perkara yang dia hendak laksanakan, jangan terhenti. Maksud saya teruskan bahawasanya rakyat bersama-sama dengan Menteri yang berkenaan. Menteri yang berkenaan tidak akan berseorangan apabila hendak laksanakan kalau difikirkan perkara ini baik untuk kebajikan rakyat seluruhnya, insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan ini setelah ada Belia Tani, Belia Niaga diberhentikan. Diberhentikan mungkin dia panik apabila terdengar suara lantang daripada Menteri Pertanian. Menteri Pertanian hendak ambil peranan semuanya, daripada ulam-ulam sampailah kepada air kelapa, sekarang ini air koko. Saya tanya budak di kantin ada tak air koko? Dia hairan, air kukur katanya. Kukur - kelapa, saya kata, koko - k-o-k-o, bukan kukur. Kukur-kelapa. Koko, dia kata tak ada, di kantin Parlimen tak ada. Jadi, macam mana ini, saya hairan juga. Yang ada sewaktu

Perhimpunan Agung UMNO, pagi koko, tengahari koko, petang koko, malam koko. Nasib baik koko itu kelat, kalau dia jenis lain, entah berapa seluar kena basuh, tak tahu. [Ketawa]

Tuan Adam bin Kadir: Itu koko cap apa?

Tuan Mustafa bin Awang: Saya pun tak tahu. Koko "cap kelapa" agaknya. [Ketawa] Sekarang kita boleh minum air koko, kita sanggup.

Jadi, Kementerian Belia dan Sukan sekarang ini hendak mencari belia main sukan sahaja. Semalam seorang Yang Berhormat Senator rasanya tak berapa setuju kerana kita bersukan sahaja. Sekarang ini kita mahu lihat belia yang ada nilai ekonomi. Kalau bersukan, poket kosong, sorrylah, tak ada apa-apa. Kalau duit tambang tak ada, macam mana hendak bersukan?

Maksud saya, Tuan Yang di-Pertua, Belia Tani dan Belia Niaga ini harus dihidupkan semula dengan cara besar-besaran, harta dalam bentuk revolusi, rekrut, ambillah Pegawai-pegawai Pertanian yang berpengalaman dan berminat supaya bekerja dengan Kementerian Belia dan Sukan, turun ke kampung-kampung mengajar beliau cara bertanam, itu baru betul. Ini kita panggil Pegawai Belia, kursusnya di tempat lain, disuruh ajar bertanam, lepas itu Pegawai Belia kata di Balairaya, kita harap Pegawai Pertanian akan tolong kita, Pegawai Pertanian kata, "Kerja saya berlambak, tak habis, macam mana hendak tolong belia?" Dengan sebab itu, Kementerian Belia dan Sukan rekrut, ambil orang itu bekerja, ambil Pegawai Pertanian yang berpengalaman dan berminat. Ada yang berpengalaman tetapi tak ada minat. Kalau kita tanya dia, "Encik, macam mana hendak gaul baja ini?" "Suka awaklah." "Pasir banyak mana, baja banyak mana?" "Boleh belaka, sama banyak tak apa." Last sekali, mampus pokok kita fasal minat dia tak ada.

Jadi, untuk minat ada ubatnya. Kalau dia kerja di Kementerian Pertanian gajinya \$100 misalnya, panggil belia dalam bentuk istimewa tambah gaji dia, naikkan pangkat dia sedikit, apa salahnya kerana dia memberi keuntungan kepada belia, kita naikkan pangkat dia dari "C" ke "B", dari B19 kah, B8 kah, B4 kah, B2 kah kepada B1 apa salah? Ini kalau tunggu "C" sampai tua, dia lebih mahir daripada orang yang balik daripada negeri lain, hendak-hendak yang jadi jurukahwin ini. Jurunikah pokok pun ada sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua tahukah? Jurunikah, jurukahwin.....

Tuan Adam bin Kadir: Apa nama Jabatan itu?

Tuan Mustafa bin Awang: Jabatan Kahwinlah. [Ketawa] Jabatan Kahwin di Kementerian Pertanian. Ini kahwin pokok, dia mahir, kita utamakannya. Jadi, saya harap Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan ini hidupkan semula dalam bentuk bersungguh-sungguh kerana sayur pun mahal harganya hari ini. Kalau dia berniaga, biar dia berniaga sungguh-sungguh, biar dia hidup, jangan separuh-separuh.

Kita kena follow-up. Beri modal, beri dia tempat barulah - dan kita hantar pegawai kita.

Tuan Adam bin Kadir: Tidak boleh separuh-separuh?

Tuan Mustafa bin Awang: Tidak boleh separuh-separuh, kasi habis, baru betul, baru dia berpuas hati, baru berjaya, baru ada hasilnya.

Dari Kementerian Belia, ke Kementerian Perusahaan Utama, memang kes besar-besar sahaja. Jadi, kalau saya sebut barangkali boleh juga. Cuma Kementerian Perusahaan Utama ini kita minta Kementerian-nya, secara kebetulan Timbalan Menterinya ada, kalau boleh, jangan jual kayu sahaja, walaupun sudah digergaji. Jadikan barang-barang dahulu. Saya sudah pergi ke Kementerian Perusahaan Utama sekali, saya tengok ada contoh-contoh kerusi, meja. Jadi, kita jual barang siap keluar lebih banyak daripada kayu gergaji. Dan saya pernah ditaklimat oleh Timbalan Menteri dahulu - dia pun cerdik juga. Sekarang sudah diubahsuai. Kayu gergaji 8"-8", lebar 8", tebal 8". Sampai negeri masing-masing dia belah berapa? Sekarang ini saya dengar 3"-3". Kita perkecilkan, bagus. Dahulu 8"-8", macam balak juga 8"-8", ini boleh berapa kali belah. Sekarang Kerajaan kita cerdik lagi, kita buat 3"-3". Kalau boleh 2"-2" lagi baik. Sediakan barang siap jual keluar negeri.

Dan selain daripada barang siap, juga dari bahan-bahan kita seperti minyak kelapa sawit. Selain dari kita jual minyak kelapa sawit mungkin oleh kerana sekarang kita ada ahli sains, sehingga kita ada satu Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar. Jadi, kita boleh jual barang siap, sabunkah, apa juga. Kalau di Filipina, minyak kelapa biasa dia boleh buat barang-barang make-up. Jadi,

kelapa sawit, saya rasa lebih baik daripada kelapa biasa. Dan satu masa dahulu kelapa sawit ini sehingga daun kelapa sawit, batang kelapa sawit, semuanya ada zat belaka. Zat Vitamin A, Vitamin C, Vitamin D, entah apa vitamin lagi. Daunnya, pelepahnya, batangnya, kulitnya semua ada, tetapi sekarang entah ke mana pergi.

Tuan Adam bin Kadir: Ada orang kata ada Vitamin E,

Tuan Mustafa bin Awang: Vitamin E untuk mata, untuk apa wallahu -alam.

Tuan Adam bin Kadir: Untuk muda sepanjang masa.

Tuan Mustafa bin Awang: Untuk awit muda. [Ketawa]. Jadi, saya berserulah kepada Kementerian Perusahaan Utama seberapa boleh keluarkan barang-barang dari bahan seperti kelapa sawit, kayu dan sebagainya yang telah siap keluar negeri.

B. 19, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian. Sebenarnya, Kementerian ini sama ada kasihkan, bencikah mesti mahu disebut, kerana inilah satu Kementerian yang memastikan kenyangkah, laparkah rakyat. Salah satu daripada Kementerian, kalau Menteri ini kata beras habis, maknanya rakyat laparlah. Pasal ini menjadi tonggak negara. Tetapi yang menghairankan kita, cadangan hendak buka ladang jagung sudah lama. Saya di Dewan ini tahun yang keempat, ladang entah di mana, nama ladang pun belum tahu lagi. Sedangkan import jagung untuk makanan binatang dan sedikit-sedikit untuk makanan manusia, kalau tidak salah ingatan saya \$420 juta setahun. Kalau tidak betul tidak mengapalah, saya ramalkan \$420 juta setahun, jagung sahaja. Tidak termasuk kacang hijau. Kacang hijau berapa batang ditanam di Malaysia ini pernah dicuba atau tidak oleh Kementerian Pertanian, adakah tidak? Saya bercakap atas pengalaman. Sewaktu saya menjadi belia remaja dahulu, saya tanam kacang hijau.

Inilah satu tanaman yang menguntungkan. Satu hari kena petik 5 kali. Pagi pukul 9, pukul 11, pukul 12, pukul 2, pukul 3, pukul 5 kena petik.

Tuan Adam bin Kadir: Tengah malam tidak payah?

Tuan Mustafa bin Awang: Tengah malam tidak berapa nampak. Pakai lampu boleh. Jadi, kacang hijau tidak kurang digunakan dan dia mempunyai zat yang sama tarafnya dengan hati binatang, daging. Mengapa tidak dibuat cubaan? Saya tidak tahu, mungkin ada di Bukit Sri Alam. Bukit Sri Alam mungkin ada tanaman kacang hijau ini. Bukit Cerakah. Nasib baik 'H' ada didepan, kalau tidak Bukit Celaka jadinya. Jadi, saya harap Kementerian Pertanian akan cuba. Kalau sudah cuba, cuba perbesarkan lagi tanaman kacang hijau ini sehingga dia merata di kampung-kampung, kerana ini tanaman yang senang. Mengikut pengalaman saya senang ditanam,

Tuan Adam bin Kadir: Ramai orang tidak pernah tengok pokok kacang hijau.

Tuan Mustafa bin Awang: Kecuali bubur kacang.

Tuan Adam bin Kadir: Cuba Yang Berhormat terangkan sedikit, macam mana bentuk pokok itu?

Tuan Mustafa bin Awang: Pokok dia samalah dengan kacang panjang. Daunnya sama, tetapi dia tidak berlilit, dia pakai batang. Dan buahnya 5 kali sehari kena petik. Kalau tidak, dia gugur di situ sahaja. Gugur, tumbuh, gugur, tumbuh. Kalau kita tanam satu biji, dia akan jadi 10, 20 biji. Fasal dia tumbuh memanjang tidak boleh habis. Zuriat dia tidak habis. Pokok dia ini tanam sekali, zuriat dia tidak habis kalau dijaga baik-baik. Jadi, saya rasa kita juga import dari luar negeri kacang hijau.....

Tuan Adam bin Kadir: Berapa banyak kita import nilai setahun kacang hijau?

Tuan Mustafa bin Awang: Itu yang saya kurang pasti. Saya rasa lebih daripada ratusan ribu ringgit.

Tuan Adam bin Kadir: Jagung kita tahu \$400 juta lebih.

Tuan Mustafa bin Awang: Jagung kita tahu tetapi kacang hijau tidak pernah ditanya dan Menteri tidak pernah beritahu kita. Jadi, dalam bahasan ini saya hendak tanya Menteri, dia tolong jawab dengan saya.

Tuan Adam bin Kadir: Hendak jawab sekarang?

Tuan Mustafa bin Awang: Sekarang tidak bolehlah, dia tidak faham. Semasa menggulung, minta jawab berapa kita import kacang hijau dari luar negeri masuk ke sini setahun.

Selain daripada itu, Kementerian Pertanian sekarang telah mengambilalih mengenai dengan hakisan-hakisan laut, hakisan sungai. Cuma hakisan parit dia tidak berapa ambil tahu. Parit pun ada juga hakisan. Tasek pun ada hakisan, tetapi yang besar dua inilah, laut dan sungai. Dahulu tanggungjawab ini orang lain, Kementerian Kewangan tidak silap saya. Sekarang dia ambilalih, dia yang jaga **ini**. Jadi, yang pertama saya minta dia kenalpasti berapa tempat yang kena hakisan laut dan sungai yang merbahaya, yang melibatkan rumah-rumah manusia. Misal kata kalau rumah ayam tidak pedulilah, rumah kambing tidak mengapalah, rumah manusia. Contohnya, apa yang saya nampak dengan mata kepala saya berlaku di Kuala Terengganu, dalam tempoh 48 jam, dia sudah memamah kawasan di tepi pantai itu tidak kurang 66 buah rumah. Dan Kerajaan Negeri terpaksa mengeluarkan duit.. Kalau hendak tunggu duit dari Kementerian ini yang bertanggungjawab mengenai dengan hakisan ini, saya rasalah barangkali orang itu masih duduk bawah khemah.

Jadi, dengan sebab itu untuk memastikan Kementerian Pertanian harus mencari jalan, banci kawasan-kawasan yang dijangka menjadi tempat hakisan laut dan sungai di seluruh negara. Dan selepas itu apabila sudah dikenalpasti....

Tuan Adam bin Kadir: Hakisan yang disebut ini di Kuala Terengganukah atau di mana?

Tuan Mustafa bin Awang: Di Tanjung.

Tuan Adam bin Kadir: Ah! di Tanjung. Biar Kementerian tahu di mana supaya boleh diberi jawapan.

Tuan Mustafa bin Awang: Jikalau hendak sebutkan, ini contoh sahaja.

Tuaa Adam bin Kadir: Contoh.

Tuan Mustafa bin Awang: Dan negeri-negeri lain pun ada. Di Kedah ada, di Perak ada, di Melaka ada dan di Pahang ada. Saya kena sebutlah Pahang acapkali sedikit, pasal Tuan Yang di-Pertua orang Pahang.

Tuan Adam bin Kadir: Tambah-tambahlah. [Ketawa]

Tuan Mustafa bin Awang: Di Johor pun ada. Jadi, kesemua dalam negara ini hendaklah dibanci dan dikenalpasti. Setelah itu baru diambil tindakan, tindakan pintas menahan daripada hakisan ini supaya kita tidak menanggung beban dan kerugian yang banyak kepada rakyat dan negara.

Selain daripada hakisan, Kementerian Pertanian ini janganlah berubah dasar. Kalau zaman dahulu, kita bercakap dengan kekasih, kita kata, "Adik, jangan berubah janji." Jadi, Kementerian Pertanian ini banyak berubah janji, dasarnya berubah banyak.

Saya pernah sebut di sini mengenai dengan Projek Endau-Rompin, umpamanya, seorang Menteri kata, "tanah ini sesuai dengan padi." Apabila tukar Menteri, Menteri itu pula buat laporan, dia kata tidak sesuai dengan padi. Ia sesuai dengan terung. Datang Menteri lain kata tidak sesuai dengan terung - kacang panjang pula. Jadi, bertukar-tukar. Wang sudah habis belasan juta. Rakyat menunggu dalam bentuk yang dahaga kerana janji kepada rakyat.

Akhir sekali, kononnya sesuai dengan pisang pula. Pisang itu pisang.....

Tuan Adam bin Kadir: Pisang apa itu?

Tuan Mustafa bin Awang: Pisang ubi. Pisang ubi besar sedikit. Pisang helang dan pisang-pisang lain itu kecil-kecil.

Tuan Adam bin Kadir: Saya bertanya itu pasal negeri itu negeri saya.

Tuan Mustafa bin Awang: Ah! Itulah Endau-Rompin, sesuai dengan pisang. Sepatutnya mengeluarkan banyak padi selain daripada tanaman-tanaman lain. Kalau saya hendak katakan apakah menjadi tabiat kepada manusia ini, hatta kepada bapak-bapak Menteri apabila di negeri yang berkenaan atau berhampiran dengannya, Menterinya bukan dari negeri itu, maka projek itu sudah tidak sesuai. Sesuai dengan negeri yang Menteri itu menjadi Menteri atau negeri yang berhampiran dengannya sedangkan janji telah dibuat. Kerja para Menteri ini dalam bentuk "collective", walaupun siapa menjadi Menteri, dasarnya saina sahaja. Tetapi apa yang dipraktikkan, saya berpendapat "cakap tidak serupa bikin". Dengan sebab itulah kadang-kadang mahal tali daripada harga buruk dan yang menjadi mangsa ialah rakyat.

Sekalipun kita berjanji dengan pelbagai rancangan bagi menyusun semula masyarakat melalui Rancangan-rancangan Malaysia Pertama, Kedua, Ketiga, Keempat, Kelima dan sekarang ini yang Keenam, hendak menyusun semula masyarakat tetapi bukan hendak menyusun semula masyarakat, apa yang saya faham kita hendak atur masyarakat itu berdiri seperti dalam barisan Asar ataupun sah sembahyang, hendak atur tentang penghidupannya yang merangkumi tiga perkara. Yang pertama, dari bodoh hendak suruh cerdik. Yang kedua, dari bangsat hendak suruh jadi senang, kaya sedikit. Yang ketiga, dari keadaan berpenyakit hendak suruh jadi sihat. Itu sahaja. Kalau harta banyak tetapi mulut sakit, hendak telan pun tidak boleh. Kalau harta banyak hendak bilang Bukit Cerakah, berapa harga pun tidak tahu, pun tidak guna. Jadi, ketiga-tiga perkara ini sahaja - bodoh hendak suruh jadi cerdik.

Oleh sebab itu, kita projekkan sekolah-sekolah ini sehingga beberapa buah universiti dalam negara ini. Yang kita hendak atur masyarakat ini ialah atur dari segi ekonominya. Pembahagian ekonomi negara ini yang kita hendak perbetulkan supaya jurang kaya, miskin jangan terlalu jauh. Itu sahaja. Kalau \$500 di bandar ini miskin, di luar bandar \$300 itu miskin. Jadi, kita hendak naikkan kepada \$650, barulah sedap sedikit. Kalau dahulu ada demam kura, sekarang sudah kurang, sihat, tidak sakit lagi dah. Tiga perkara Ini, Tuan Yang di-Pertua, dan Islam pun membenci tiga perkara ini. Ia larang tiga perkara - bodoh, miskin dan berpenyakit.

Jadi, nasib baik dan mujurlah bahawa Kerajaan Barisan Nasional ini, pemimpinnya demi pemimpin membasmi tiga perkara ini. Tetapi walau bagaimanapun, ada manusia yang tidak mengakui apa yang dibuat oleh Kerajaan ini bagus, dia kata tidak bagus. Buktinya, ada negeri di utara kita, orang perempuan tidak diberi kerja malam.

Apa yang sibuk sangat tentang kerja malam ini, siang tidak jadikah? Siang pun tidak kurang hebatnya kerja ini. Malam buat heboh apa? Orang yang kerja malam di negeri Kelantan itu bukan di kilang, bukan pergi ke pasar itu kerja malam, Tidak! Kebanyakan orang yang bekerja malam ialah di hospital. Suruh "missi" itu berhenti jangan kerja malam, kalau ada orang sakit, kalau orang lelaki memberi ubat, dia mengerang sampai pagi. Kalau "missi" yang comel lote beri ubat - ubat panadol, dia terus tidur. [Ketawa] Itu sahaja. Ini lama dah malam....

Tuan Adam bin Kadir: Ini dari pengalamankah agaknya?

Tuan Mustafa bin Awang: Ini dari pengalamanlah. [Ketawa] Dari pengalaman saya bercakap ini. Jadi, tidak usah kita sibuk-sibuk pasal kerja malam.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Kementerian Pertanian lagi sekali supaya banci dan mengenalpasti kawasan-kawasan yang menjadi hakisan di laut atau di sungai di seluruh negara. Dan selepas itu mengambil tindakan segera supaya perkara ini jangan merebak berpanjangan.

Selain daripada itu, Kementerian Sumber Manusia ini susah. Jadi, manusia hendak dijadikan sumber-sumber itu tentulah kerja. Jadi, saya tidak mahu sentuh banyaklah perkara ini. Memang kita tahu kita ada sumber manusia tetapi mengapa sumber manusia yang kita ada dalam negara kita kita ini tidak mahu pergi potong getah, tidak mahu potong kelapa sawit. Ini fasal apa? Apa sebabnya? Mesti ada sebabnya.

Dahulu saya sudah sebut sekali mengapa orang kita tidak mahu bekerja, orang asing datang bekerja. Sebab orang asing datang bekerja, dia kerja di negerinya satu hari dapat \$1.00. \$1.00 duit. Malaysia sama dengan 700 duit dia. Dengan sebab itu dia datang. Jadi, kita di sini hendak beri dia gaji \$5.50. Ini yang tidak tahan. Di kilang, kerja dalam air-conditioning, ada apron, uniform ada, macam-macam kemudahan - \$18.90. Bas free pergi balik, ada makanan tengahari pula, tangan tidak kotor - \$18.90, Jumlah punya jumlah - \$21.00 satu hari kerja kilang.

Kerja potong kelapa sawit, tinggi 30 kaki, pakai pahat ini tidak mampu. Kalau \$10, \$15 gaji, orang kita tidak mampu, dia tidak mahu kerja. Ini harus diatasi. Apabila dia duduk pula kita beri dia tinggal di rumah dalam kelapa sawit, rumah satu bilik, kawan itu berumur 45 tahun. Ada anak dara seorang, ada anak bujang seorang, emak tidur dalam bilik, anak dua orang tidur di mana? Ini semua kerja bahaya. Jadi, maknanya estet-estet, ladang-ladang ini menyedialah rumah-rumah yang sesuai walaupun orang ini dipanggil buruh. Dia ada juga muslihat diri. Kalau anak dara dia berumur 18 tahun, takkan hendak berkajang di luar rumah, itu tidak munasabah. Sekurang-kurangnya rumah itu ada dua atau tiga bilik. Senang hati dia anaknya selamat. Itu belum termasuk orang yang mengintai, mengendap tidak timbul lagi. Apabila hati sudah senang, semangat baru ada, duit cukup.

Tuan Adam bin Kadir: Adakah mengintai, mengendap ini satu masalah juga?

Tuan Mustafa bin Awang: Satu masalah, ini berlaku di kampung di estet, dengan sebab itu orang enggan ke sana. Jadi, saya haraplah Kementerian yang bertanggungjawab ini, nasihatlah ladang-ladang ini, kalau ladang ini hendak selamat. Jangan kita ambil senang kira sahaja. Sekarang ini sehingga menjadi satu bangkitan, kononnya kalau tidak kerana orang luar datang bekerja di ladang di Malaysia ini, ladang tutup. Ini tidak boleh cakap macam

itu. Sebagai anak negara, cakap yang tidak bersemangat, cakap yang dayus! Saya tidak bersetuju walaupun siapa bercakap sedemikian. Maknanya kita sudah menyerah diri ini. Sudah menyerah diri, nasib baik datang 10,000. Kalau dia datang 10 juta, apa kata kita? 10 juta datang tanpa gaji, tak apa tuan, bagi saya minum cukup. Bagi saya bubur satu cawan cukup. Apa kata kita? Dia datang dari seberang, "Tuan, tidak bagi gaji tidak apa, tetapi saya ada 10 orang kawan, bagi saya bubur cukup, satu mangkuk satu hari. Saya akan bekerja untuk ladang tuan." Kira punya kira hampir 10 juta manusia datang bekerja tanpa gaji. Apa jawapan kita ketika itu.

Kita akan ketawa, kita akan menyesal tidak sudah dan kemungkinan ini tidak mustahil akan berlaku - cara sangat mudah. Kalau saya tuan negeri seberang, saya boleh kata kepada anak buah saya, "awak pergi, bekerjalah di sana, walaupun tanpa gaji. Awak bekerja macam biasa, tunjukkan kebaikan awak, buktikan kepada tuan ladang di sana, tuan tanah di sana sehingga dia kaya-raya, dia pun lali dengan keadaan tidak keluar gaji tetapi di sini saya beri gaji." Di tanah seberang ini saya beri gaji kepada pekerja yang tanpa gaji bekerja di negeri seberang sana. Asyik punya asyik menerima pekerja tanpa gaji, kita akan dikerumuni, kita akan dilengkungki oleh manusia-manusia. Akhirnya, wajah Melayu, wajah Malaysia akan bertukar menjadi wajah lain.

Jadi dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian yang berkenaan ini harus memerah otak, memikirkan bagaimana mengatasi dan mencari jalan, mengapa, sedangkan pengangguran masih banyak di negara ini. Tetapi tidak mahu bekerja di ladang sendiri. Tentu ada sebab, ada penyakit dia. Dan sebab-sebab yang nyata ialah pendapatannya, nilai ekonomi, tenaga yang dikeluarkannya mungkin tidak sama, tidak seimbang dengan tenaga yang dicurahkan dan kemudahan-kemudahan lain.

Misalnya, kalau pekerja ini terkena sakit, demam dan sebagainya, hampir masuk hari yang kedua baru dia dibawa ke klinik ataupun ke hospital. Inipun satu sebab. Ini berlaku apabila ditanya, "Bagaimana tuan, ayah saya sudah kena tajak, sudah kena pahat kelapa sawit, sudah luka." "Oh! jangan sibuk, kita punya land rover belum balik. Kita punya land rover belum balik kerana dibaiki di bandar." "50 batu dari ladang yang berkenaan". "Kereta lain tidak boleh ke tuan?" "Ini kereta pegawai mana boleh. Mesti kereta ladang juga." Kawan itu sudah naik ulat.

Maknanya motivasi pekerja tidak dijaga. Dengan sebab itulah datangnya perasaan benci, tidak ada rasa cinta dan kasih sayang kepada urusan pekerjaan walaupun ianya untuk mendatangkan rezeki kepada keluarga mereka sendiri. Dengan sebab itu, cari jalan, jangan takut, naikkan gaji, beri upah yang tinggi, daripada tidak berhasil langsung, daripada pokok getah merajuk, angin sedikit tumbang banyak. Kelapa sawit juga begitu, masak sedikit banyak gugur. Lebih baik kita beri gaji banyak supaya kelapa sawit terbelah dan terjaga, demikian juga pokok getah kita bertoreh.

Tuan Yang di-Pertua, kita jangan bangga ladang di situ, ladang di sana tetapi orang lain ada di dalam ladang kita. Saya rasa Kerajaan juga tidak putus asa, masih ada banyak jalan untuk mengatasi masalah ini, untuk menyelesaikan masalah ini, sekali pun tidak dapat 100%, paling kurang 50% hingga 60%. Jadi, barulah kita tidak ditempelak oleh mereka, generasi muda akan datang. Setelah kita habis ikhtiar, memberi peluang, memberi jalan, buka lubang kepada mereka, mereka tidak mahu juga, tidak salah kita. Waktu itu baru boleh kata "bukan salah ibu mengandung, salah awak sendiri". Ini belum ada jalan. Gaji \$3.80 siapa hendak pergi kerja? Gaji \$7.00 siapa hendak pergi kerja? Duduk di rumah kongsi, nyamuk macam lalat, macam mana ini? Siapa hendak bekerja? Hendak masuk pun berlumpur.

Ini nyata, pergi tengok di mana-mana ladang, sama ada ladang Kerajaan, ladang kompeni ataupun ladang mana-mana. Kadang-kadang rumah bocor, tiga bulan tidak dibaiki lagi. Mana rasa kasih sayang, minat tidak ada, minat tidak ada. Jalan tidak ada tar. Dia ada motosikal buruk pun hendak keluar 15 batu, pinggang sudah retak. Masuk 15 batu lagi sekali retak. Lepas retak dua kali, patahlah jawab dia, membazirlah hidupnya, umur batu 45 tahun. Ini kena jaga; baru selamat.

Berilah kemudahan-kemudahan lain. Kalau di kilang-kilang diberi bermacam-macam kemudahan, di estet-estet juga harus diberi kemudahan. Kalau kita tengok dalam IV apabila Menteri Tenaga Manusia ini melawat, dia tidak dibawa ke tempat-tempat yang sulit itu. Dia dibawa ke tempat yang elok-elok sahaja. Ada estet minum air sama dengan lembu, dalam kubang lembu minum di situ. Pekerja minum di situ. Ini nyata.

Cuma bezanya lembu pergi minum dengan mulut dia. Pekerja estet minum setelah dipaip masuk dalam tangki. Tidak ada tapis apa-apa. Sama ada dimasuk chlorine atau tidak wallahualam! Tetapi terpaksa kena minum, lain tidak ada. Manalah hendak lahir rasa cinta dan kasih sayang kepada tempat kerja yang seperti ini. Tidak ada. Apabila tidak ada, kedua-dua rugi. Kompeni yang berkenaan tidak boleh bayar cukai Kerajaan sebab rugi. Pekerja estet begitu juga tidak boleh hendak turun ke bandar hendak membeli, hendak berbelanja gaji kecil. Orang pakai motosikal lama dah, dia masih basikal lagi. Jadi itu yang diatur ini. Yang sedang diatur, telah diatur dan akan diatur supaya jurang ini tidak berlebih-lebihan. Walau bangsa apa sekalipun.

Saya cakap ini cara bentuk umum. Kalau hendak kita kata orang lain kaya, orang Melayu pun ada kaya. Kalau kita hendak kata orang Melayu miskin, orang lain pun ada miskin. Jadi, rasa sesuaiilah dengan projek dan rancangan yang Kerajaan buat ini, cuma kita perbetulkan lagi, cari penyakitnya. Kenal pasti penyakit baru kita pasti apakah jenis ubat yang harus kita berikan supaya ianya akan sembuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak perlu minta maaf, oleh kerana peluang ini jarang sekali saya dapat, saya cubalah seberapa daya saya akan sebut Kementerian-kementerian yang berkenaan.

B.46, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Saya sungguh keliru. Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, saya cukup keliru. Orang lain saya tidak tahulah, Tuan Yang di-Pertua.

Saya mula-mula ingat Kementerian yang berkenaan ini melahirkan ahli-ahli sains. Maknanya setahun 100 orang ahli sains buat roket naik ke bulan, potong getah pakai robot, tidak payah kita pergi potong sendiri. Kita lepas sahaja dia dari satu batang ke satu batang, dia boleh toreh, lepas itu dia tuang sendiri dalam satu tangki dan dia bawa balik ke stesen kecil. Saya ingat begitu - dululah. Apabila rakyat tanya saya, apa kerja Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ini? Saya kata mengeluarkan ahli-ahli sainslah.. Dan Menteri Sains ini bukan sains, tandatangan ini, ini orang sains, pakar - profesional.

Jadi, saya sendiri pun keliru. Satu orang Yang Berhormat keliru, apa fungsinya Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ini. Apa benda tanggungjawab dia. Kalau rakyatlah bertanya macam mana hendak jawab. Saya rasa ini satu jawapan yang paling sukar. Saya tidak sanggup hendak jawab fungsi Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ini.

Tuan Adam bin Kadir: Cubalah jawab sedikit.

Tuan Mustafa bin Awang: Apa?

Tuan Adam bin Kadir: Cubalah jawab sedikit.

Tuan Mustafa bin Awang: Itulah saya kata, saya sudah jawab yang Kementerian ini menyediakan pakar-pakar sains untuk kepentingan negara. Sebab dia tidak tahu. Kita tidak tahu apa bendanya

tanggungjawab dia. Jadi keliru, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, teknologi ini ada tinggi, ada rendah. Sederhana tidak ada. Jarang orang sebut, teknologi sederhana, jarang. Semuanya tinggi belaka. Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Alam Sekitar ini pun termasuk juga yang gaya kata tadi. Lembu berak di situ, mengalir dalam parit. Air parit dipam masuk ke dalam tangki, beri orang estet minum. Itu Alam Sekitarlah. Jangan biarkan kepada Menteri Sumber Manusia sahaja. Dia kena sebutlah, patutnya biar beringat:

"Hei, Menteri Sumber Manusia! mengapa anak awak ini minum air parit?" **[Ketawa]**

"Kerana aku Menteri Alam Sekitar, "jangan minum! P a s a l aku ada ahli sains. Air ini kotor, ada AIDS, ada kuman dalam itu."

Baru betul. Ini lain-lain ceritanya. Tidak kena. Saya cukup hairan.

Tuan Adam bin Kadir: Tetapi takkan setakat itu sahaja Alam Sekitar. Banyak lagilah?

Tuan Mustafa bin Awang: Betullah banyak lagi. Udaranya, asap rokok dan sebagainya termasuklah, bukan? Dan yang anehnya sekali ini lembu sendawa pun masuk kira. Ozon jadi kurang. Sampai ke tahap itu hendak sainsnya itu. **[Ketawa]** Ya atau tidak? Tetapi bakar tayar tepi rumah tidak siapa ambil tahu. Tayar lori dibakar tepi rumah kita, asap dan habuk masuk dalam rumah tidak siapa ambil tahu. Undang-undang ada. Siapa yang berkuat kuasa? Yang masuk kampung keluar kampung jangan bakar sampah ini merata-rata, Akta ini

salah siapa yang masuk? Pegawai penguatkuasa yang disediakan oleh Kerajaan, oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ini pergi tangkap orang bakar tayar kereta, tayar lori, tayar bas merata tepi jalan. Siapa ini? Kadang-kadang Majlis Bandaran pun sama bakar ini. Dia bakar juga. Sama-sama turut bakar. Akta kata salah! Jadi, macam mana ini? Ayah hisab rokok "heh anak, jangan hisab rokok, bahaya jantung berlubang, jantung sakit." Ini ayah, nah cerut satu jengkal panjang! Anak kata "itu, hisab apa itu ayah!"

Tuan Adam bin Kadir: Ini pun daripada pengalaman juga Yang Berhormat.

Tuan Mustafa bin Awang: Ya?

Tuan Adam bin Kadir: Ini pun kes daripada pengalaman...

Tuan Mustafa bin Awang: Sebab tepi rumah saya Majlis Bandaran bakar tayar. [Ketawa]

Tuan Adam bin Kadir: Tidak, rokok tadi. [Ketawa]

Tuan Mustafa bin Awang: Rokok itu tentulah dari pengalaman. Sekarang sudah kurang dah. Ini hasil dari penayangan filem di TV jantung jadi berlubang. Jadi kurangnya bukan.

Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ini saya sesungguhnya tidak berani hendak komen apa, Saya sebenar tidak faham. Menteri Sains ini sendiri pakar sainskah atau dia mengeluarkan orang yang menjadi ahli sains. Itu saya hairan.

Sains itu sains apa?

Tuan Adam bin Kadir: Sains mati!

Tuan Mustafa bin Awang: Inilah dia. Sains apa, itu yang hairan.

Tuan Adam bin Kadir: Tetapi saya percaya sedikit lagi adalah jawapannya.

Tuan Mustafa bin Awang: Ya. Ini baguslah kalau dapat jawapan. Teknologi ini banyaklah bukan, tetapi dia tidak tunjuk pula dengan kita. Cuna Alam Sekitar ini kena jagalah. Duduk heboh-heboh sangat.

Kementerian Pengangkutan, saya ucap terima kasih banyak-banyak. Satu masa saya bercakap di sini supaya pulau-pulau terutama di kawasan Pantai Timur hendaklah dibina jeti untuk menyenangkan nelayan-nelayan dan pelancong-pelancong. Tetapi setakat ini Alhamdulillah telah dibina jetinya. Boleh dikatakan tiap-tiap pulau telah dibina jeti. Berapa harga satu saya tidak tahu tetapi saya jangka dalam \$250,000 hingga \$300,000 ke atas harga jeti itu.

Tuan Adam bin Kadir: Daripada Kementerian mana itu?

Tuan Mustafa bin Awang: Kementerian Pengangkutan. Jadi saya ucapkan terima kasih. Tetapi kalau masih ada lagi pulau yang belum dibina jeti, di mana-mana negeri saya harap dia kena binalah untuk kemudahan pelancong dan nelayan.

Jadi kita rasa banggalah dengan tindakan Kementerian Pengangkutan ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Kementerian Tenaga, Telekom dan

Pos. Pos ini tidak timbul sebab dia tidak ada belanja. Dia ada kertas yang dijual mahal - \$5, \$10 dan sebagainya.

Saya telah diberitahu baru-baru ini di negeri Terengganu, sebagai satu contoh, permohonan telefon awam ini lebih kurang hampir 100. Harga hitung panjang tiap-tiap satu antara \$2,500 hingga \$8,000 termasuk telefonnya, kotaknya, tiang dan tali sekali. Itu mengikut tempat. Jadi hitung panjangnya antara \$2,500 hingga \$8,000.

Janjilah Menterikah, siapakah orang-orang besar, Wakil-Wakil Rakyat: "Tuan-tuan jangan susah hati, sebelum menjelang 21 Oktober ini kita akan selesai". Rakyat bertepuk tangan. Terbayang gambar dacing kita pangkah. Sebelum menjelang 21 Oktober. "Menjelang" ini baru mula hendak tunjuk muka ya? Setelah hilang - mula "menjelang"; hilang 21 Oktober sebab masuk bulan sebelas, dua belas hilanglah dia. Telefon langsung pun tidak ada. Apabila saya tanya pegawai yang berkenaan, dia tulis surat dengan saya. Dia kata boleh tidak Yang Berhormat tolong sebutkan supaya Menteri Tenaga, Telekom dan Pos ini ataupun Jabatan Telekom Malaysia yang berada di Kuala Lumpur ini sebagai Ibu Pejabat menghantar duit seberapa yang boleh atas permohonan yang telah dibuat oleh pejabat negeri supaya hendak selesaikan telefon awam ini.

Kerana ini telah dikenalpasti dan layak didirikan, yang dianggarkan 100 permohonan dalam negeri Terengganu ini boleh dikatakan telah disiasat didapati sesuai dan layak diberi. Jadi, sehingga hari ini tidak ada peruntukan. Jadi, dengan sebab itu kita kena beritahu kepada Dato' Menteri yang berkenaan.

Kalau kita beritahu Ketua Pengarahnya di sini, nanti Ketua Pengarah kata alasannya pasal Menteri tak luluskan. Jadi, kita kena beritahu Dato' Menteri yang berkenaan dan saya berharap supaya peruntukan yang dipohonkan oleh Jabatan di negeri yang berkenaan dan kalau ada di negeri-negeri lain di seluruh Malaysia ini hendaklah diberi sama seperti yang dipohonkan oleh negeri Terengganu. Makanya, saya minta bukan negeri Terengganu sahaja diberi keutamaan, malah negeri lain juga diberi keutamaan. Jangan lengah, jangan cakap sahaja.

Pada masa dahulu sebelum diswastakan, apabila ditanya apakah implikasinya kepada rakyat, di tempat inilah saya bertanya Menteri berkenaan. Jawabnya, apabila ini diswastakan, Yang Berhormat jangan susah atas perkara ini, akan selamat dan sempurna, akan menguntungkan Kerajaan. Dengan jawapan itu, saya berasa lega hati. Jadi, sekarang sampai masanya saya menuntut janji yang dibuat oleh Menteri yang berkenaan.

Saya cabar dia petang ini, kalau dia betul-betul gentleman, luluskan pagi besok, pagi lusa hantar ke Terengganu dan juga seluruh negeri yang berkenaan yang terlibat berkehendakkan telefon awam.

Kalau dia gentleman. Kalau dia tak luluskan dalam tempoh dua tiga hari ini, maknanya dia tak gentleman. Kalau Dewan bersidang sekali lagi, masih tak lulus, saya akan katakan beliau tak layak jadi Menteri. Bukan sekarang, sidang Dewan sekali lagi.

Sekarang ini saya cuma mengingatkan sahaja, sekali itu batu aci, ini belum aci.

Tuan Adam bin Kadir: Kalau dia tak layak jadi Menteri, siapakah yang layak?

Tuan Mustafa bin Awang: Orang yang munasabahlah. [Ketawa]

Tuan Adam bin Kadir: Bukankah orang yang bercakap itu?

Tuan Mustafa bin Awang: Itu PMLah yang bertanggungjawab. [Ketawa] Saya cuma kata sahaja. Itu mengenai telekom.

Selain daripada itu, ahli-ahli profesional, ahli-ahli sains telekom, kalau bolehlah, Tuan Yang di-Pertua, dibuat suatu siasatan. Saya percaya Telekom di Pantai Timur yang berpejabat di Rusila itu ada sesuatu dekat komputernya, sama ada suara ini telah ditape untuk dijualgadi ataupun orang-orang yang berniat tidak baik mencari rahsia orang lain. Kadang-kadang dengan tidak sengaja kita angkat telefon, orang berbalah suami-isteri kita boleh dengar, kadang-kadang orang berkasih kita boleh dengar, kadang-kadang orang minta hutangpun kita boleh dengar dalam telefon. Dan sepanjang yang saya ketahui, bukan telefon di rumah saya sahaja, di rumah orang lain juga berlaku begitu. Kadang-kadang ada suatu suara yang aneh melalui talian ini yang seolah-olah ada alat lain digunakan di Ibu-pejabat Telefon di kawasan Pantai Timur. Di Pantai Barat saya tak tahu, Pantai Timur ibupejabatnya di Rusila. Dan yang nyata sekali telefon mudahalih, telefon ATUR ataupun Sapura, saya tidak

pasti jenisnya, memang ada orang mengupah pegawai-pegawai yang berkenaan mengeteprekorderkan suara-suara siapa yang bercakap. Sama ada suara Perdana Menteri, Menteri-menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dengan Wakil-Wakil rakyat di peringkat negeri daripada Menteri Besarnya dan EXCONya dan orang yang akan membayarnya terdiri daripada kalangan 46 dan ganjarannya mahal. Kalau tep itu boleh pakai satu jam, dia mungkin bayar lebih dari \$5,000, kalau dua jam \$10,000.

Jadi, dengan sebab itu di Kuala Terengganu sebagai contoh, orang yang menggunakan telefon ATUR ini cukup takut terutama sekali orang-orang politik kerana ada orang-orang yang mengambilalih suaranya, disimpan dalam pita rakaman lain untuk dipersembahkan kepada taukeh-taukeh 46 bagi mengetahui apakah rancangan, taktik dan teknik yang dibuat oleh orang-orang UMNO khususnya dan orang-orang Barisan Nasional amnya sewaktu-waktu menghadapi pilihanraya dan sekarang ini.

Jadi, saya berharap Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos supaya menyediakan pegawai-pegawai pekarnya membuat suatu penyelidikan apakah ini benar-benar berlaku atau kerana kerosakan di ibupejabat Telekom di kawasan Pantai Timur yang bertempat di Rusila itu. Saya takut benda ini kerana melalui ibusawat ini mungkin rahsia-rahsia negara yang tidak perlu diketahui oleh orang lain, pengintipan tentera dan sebagainya, maka diketahui oleh orang lain, akan digunakan menjadi satu alat perniagaan dan tidak kurang pernah berlaku di dalam dunia, kerana sekeping peta yang sepanjang setengah kaki, lebarnya lebih kurang sesuku kaki, dijual dengan harga \$9 juta rial (Saudi Arabia). Dengan sebab itulah maka Mesir telah kalah

pada tahun 1967 apabila berperang dengan Israel hanya dalam tempoh 7 hari sahaja. Dari segi keselamatan, saya berharap supaya Menteri berkenaan mengambil tindakan meminta pakar-pakar telekom supaya membuam siasatan dan bertindak mengatasi perkara ini dengan seberapa segera yang boleh.

Menyentuh Maksud B.51 - Kementerian Luar Negeri, saya ingin mengingatkan semula, jangan berlaku lagi perkara seperti yang disebutkan semalam. Kita memberi hadiah kepada orang lain, orang lain tak tahu dari mana hadiah itu datang dan Malaysia tidak dikenal tetapi Sabah lebih dulu dikenali. Saya teringat satu cerita yang benar yang berlaku dalam tahun 1959. Dua orang Perdana Menteri dari Singapura dan dari Malaysia, berjumpa dengan pelajar-pelajar dari Singapura dan Malaysia di England. Perdana Menteri ini bertanya kepada pelajar-pelajarnya. Seorang Perdana Menteri bertanya, awak semua suka makan buah tempatan? Jawabnya, Ya. Takkan hendak makan epal selalu. Jawab pelajar ini dia hendak makan buah ciku. Dalam tempoh tak sampai 24 jam, buah ciku telah dibawa kepada pelajar yang berkenaan. Dalam waktu yang sama, pertanyaan yang sama, seorang Perdana Menteri bertanya pelajarnya, adakah awak juga teringin hendak makan buah tempatan? Jawab pelajar, ya, saya hendak makan jambu dan termasuk buah ciku. Dalam tempoh 24 jam, ada selonggok buah-buahan sampai. Yang seorang Perdana Menteri lagi, bukan 24 jam, tetapi tiga-hari tiga-malam tak sampai juga, buah tempatan tak ada.

Ini menunjukkan bahawasanya wibawa kepimpinan satu-satu orang ketua itu dapat nampak, dapat lihat dan boleh diperbandingkan.

Tuan Adam bin Kadir: Ini tahun 1959?

Tuan Mustafa bin Awang: Ya, 1959.

Tuan Adam bin Kadir: Antara Singapura?

Tuan Mustafa bin Awang: Antara Singapura dan Malaysia.

Tuan Adam bin Kadir: Masa itu Malaysia tidak ada lagi.

Tuan Mustafa bin Awang: Malayalah.

Tuan Adam bin Kadir: Malaya semasa itu.

Tuan Mustafa bin Awang: Persekutuan Tanah Melayu. Jadi, saya takut begitu juga berlaku. Apa yang kita beri budi tidak dikenang dan kata orang, 'habis pelabur, Palembang tak galak', 'minyak rambut murah, rambut pun tak ada'. **[Ketawa]**

Tuan Adam bin Kadir: Tak ada orang lainlah itu.

Tuan Mustafa bin Awang: 'Kacang putih murah, gigi tak ada' **[Ketawa]** 'Bandar terbuka, kita pun tua'. Dengan sebab itu, saya berharap Kementerian Luar Negeri akan memperkenalkan Malaysia ini bersama-sama seiring sejalan, seia sekata dengan Menteri Pelancongan supaya dikenal Malaysia ini dari luar dan dari dalam.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kerjaraya - B.52. Inilah 'B' yang bawa bom. 'B' bawa bom - duit banyak \$407 juta, tiga suku jalan Malaysia ini akan diswastakan dan digelar sebagai lebuhraya, jambatanraya. Atas darat pun ada jambatan. Zaman dahulu hendak rentang sungai baru ada jambatan, sekarang ini atas jalan, tepi bukit, tepi lereng ada jambatan. Untuk mengelirukan orang lain dipanggil 'jejambat', ada satu bahasa lagi dipanggil viaduct, nasib baik tak 'biawak'. Tumpu semuanya ke Kuala Lumpur. Saya tak yakin duit yang buat jalan, buat jejambat ini duit Kuala Lumpur atau duit

Wilayah Persekutuan, ini duit Persekutuan yang mana negeri-negeri lain juga harus menikmati wang ringgit **ini**. Tetapi sayang mengapa ada setengah-setengah negeri langsung tidak dipandang. Ada negeri-negeri di Malaysia ini sepatutnya jalanrayanya dilebarkan, tetapi masih kecil, sedangkan merdeka sudah 30 tahun lebih, rakyatnya masih menggunakan jalan yang sempit dan berlubang dan tidak ada premix, batu kerikil tiga suku disira dengan tar masih dipakai sejak berpuluh tahun dahulu sehingga sekarang.

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat, baguslah Yang Berhormat bercakap dalam banyak perkara. Daripada hitungan sayalah, Yang Berhormat sudah bercakap hampir tiga jam daripada semalam. Jadi, bagaimana kalau Yang Berhormat dapat ringkaskan sampai ke 5.40 petang?

Tuan Mustafa bin Awang: Saya menang ada niat hendak tamat 6.30, ini menang hendak buat catatanlah, sebab itu saya minta air, saya hendak puaskan hati; tetapi bukan emotional.

Tuan Adam bin Kadir: Tak.

Tuan Mustafa bin Awang: Saya hendak sebut benda ini biar jelas hati saya, biar sama-sama faham. Saya cuba seberapa daya ringkaskan atas nasihat Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Adam bin Kadir: 5.40 boleh ya.

Tuan Mustafa bin Awang: Saya cubalah. Tetapi Kementerian Kerja Raya ini \$407 juta ini banyak, tetapi saya berharaplah Menterinya **ini**, suara kecil mungkin semangat kuatlah. Menteri ini kira baru jugalah Menteri baru. Jadi, pembahagian rezeki duit ringgit ini kalau boleh janganlah tunggu lama-lama, nanti diambil orang, Maksud saya negeri-negeri Pantai Timur ini selalu banjir apabila tiba musim dari bulan Oktober, November, Disember sehingga

bulan Januari sampai bulan Februari ini pun masih ada dan lazimnya daripada Kementerian ini bulan April baru hantar duit.

Jadi, kalau bulan April baru hantar grant, baru hendak start, bermakna dalam lima bulan sahaja Mei, Jun, Julai, Ogos dan September dalam setahun yang betul-betul boleh buat kerja hendak baiki jalankah, hendak baiki jambatankah, hendak repair rumah Kerajaankah atau Pejabat Kerajaan, ini dalam tempoh lima bulan. Kalau bulan Oktober, bulan November, bulan Disember, sudah turun hujan, sukar hendak jalankan kerja. Jadi, apabila tiba musim, Kuala Lumpur kata 'Awak sudah belanja duit itu?' 'Belum' 'Sebab apa belum?' 'Tentulah banyak sebab diberi. Jadi duit itu terpaksa dipulang balik kepada Perbendaharaan. Tunggu lagi setahun sehingga bulan April datang. Jadi, begitulah lazimnya berlaku.

Berkali-kali pada peringkat Kerajaan Negeri dan kami Ahli-ahli Yang Berhormat sama ada di Dewan Rakyat dan di Dewan Negeri memintalah Kementerian-kementerian, pegawai-pegawai yang bijaksana ini mencari satu jalan supaya grant ini dihantar lebih awal kepada Jabatan- Jabatan Kerajaan di tiap-tiap negeri supaya kerjanya tidak tergendala, kerana mereka bersedia untuk melaksanakan tugas. Yang hendak tender pun ada, yang hendak buat sendiri pun ada, tetapi grant tidak ada duit tidak ada. Tunggu bulan April atau Mei, baru hendak start, jadi lambat. Saya minta terutama sekali Kementerian Kerjaraya dan Kementerian-kementerian yang lain supaya duit ini seboleh-bolehnya disegerakan supaya senang dilaksanakan.

Selain daripada itu, di bawah Kementerian Kerja Raya ini juga, kalau boleh mana-mana bangunan Kerajaan yang di bawah pengawasan JKR yang masih boleh digunakan jangan dibiarkan berlamaan sehingga runtuh. Kalau boleh, repair segera dan gunakan semula.

Selain daripada itu, ada alat-alat Jabatan Kerja Raya ini selepas buat jalan ditinggalkan di tepi jalan begitu sahaja. Ada setengah-setengah dicuri, kalau yang dekat di Kemaman itu diambil satu ketul demi satu ketul dijual dengan PERWAJA. Apa yang kita dukacita pada mesin-mesin ini ditulis 'JKR' - Jasa Kerana Rakyat, tetapi di negeri saya disebut 'Jangan Kerja Rajin'. 'Jasa Kepada Rakyat' ditukar 'Jangan Kerja Rajin', ini orang muda punya fasallah, dan yang betulnya 'Jasa Kepada Rakyat' tetapi ditukar 'Jangan Kerja Rajin', sebab ada pekerja sepuluh orang, kerja tiga dan yang lain itu main terup atau makan sirih pun ada.

Itu dahululah bukan? Sekarang sebab kita sudah mula hendak swastakan sebahagian daripada jalan, perkara-perkara seperti ini tidak timbul lagi - ini JKR.

Tuan Adam bin Kadir: Dua minit lagi Yang Berhormat.

Tuan Mustafa bin Awang: Ya, dua minit lagi. Mengenai dengan Kementerian Pertahanan. Ini pun Kementerian yang penting. Kementerian Pertahanan ini, saya telah diberi maklumat ada alat yang berumur 30 tahun masih dipakai.

Mengikut pengalaman satu ketika Kerajaan Negeri Terengganu meminta askar membuat satu tapak rumah nelayan di Pulau Redang. Mengikut pegawai yang berkenaan, seorang Dato' kata; "Kami sudah serik, hendak minta askar kerja." Kita tanya Dato' yang berkenaan; "Fasal apa Dato'?" "Repair barang mereka lagi mahal dari upahnya." Upah kira-kira \$300,000, repair \$450,000. Barang askar itu tolong repair \$400,000 lebih, patah di sana, kemek di sini. Itu belum perang, baru sodok bukit, kalau perang, entah Jeneral di mana, apa di mana, Dengan sebab itu Kementerian Pertahanan, kalau sudah buruk ini condemnlah. Tidak usah takut, beritahu Kerajaan. Kalau awak mahu jadi Kerajaan yang tegap, kuat, barang buruk ini kita buang. Cakap macam itu sudah. Kamu askar **apa**, Jeneral **apa**, bukan boleh cakap ini Dato', kapalterbang buruk ini jatuh saja dalam pokok getah. Tidakkan boleh cakap macam **itu**.

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat, ada seorang Jeneral di dalam Dewan ini.

Tuan Mustafa bin Awang: Itu bekas Jeneral, tidak mengapa, itu pengalaman dia. Jangan takut cakap terus terang, kita beli barang baru. Lepas itu mulalah kita 'sembang' - negara kita tahan kalau orang langgar, belum tahu. Sekejap-sekejap Nuri terlanggar patah sayap, sekejap-sekejap 'burung helang' jatuh memanjang sahaja. Sudahlah kapalterbang tidak banyak jatuh di situ, jatuh di sini. Helikopter tidak banyak, senget di sana, senget di sini. Ini macam mana belum perang lagi. Ini kita bercakap, ini kita yang ada dalam negara, tentera lembek, sakit lutut, sakit telinga, mata kabur

rakyat hancurlah. Kalau senapang sepuluh kali tembak, barrel sudah hangus, mana boleh jadi jangan kita takut, kita belikan.

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat, setengah minit lagi.

Tuan Mustafa bin Awang: Saya minta izin dengan Tuan Yang di-Pertua, kerana saya belum puas hati, saya hendak beritahu ini fasal keselamatan negara. Kalau negara kita akan rosak, hancur lebur, kita pun entah ke mana perginya. Kita niat hendak hidup lama lagi. Saya minta Kementerian Pertahanan, yang buruk buang, beli yang baru cakap dengan Kerajaan. Dan duit ini patut ditambah lagi daripada \$2,500 juta ini, biar sampai \$5,000 juta baru betul.

Saya terus pergi kepada Kementerian Kesihatan atas pengalaman. Memang kita ribut, apabila kita tanya Menteri atau Timbalan Menteri; "Bagaimana ratio nisbah doktor ini."

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat, berapa minit lagi agaknya?

Tuan Mustafa bin Awang: Saya minta lima minit atas ihsan Tuan Yang di-Pertua, tetapi kalau Tuan Yang di-Pertua minta berhenti, saya berhenti tetapi tidak puaslah hati saya.

Tuan Adam bin Kadir: Banyak lagi orang yang tidak puas hati. Kira-kira satu minit lagi.

Tuan Mustafa bin Awang: Kementerian Kesihatan ini begitu juga, rakyat minta hospital - bising. Hendak beli alat jantung, alat pinggang \$30,000, \$40,000 - \$500,000, \$600,000 - dia minta derma merata-rata. Malu kita, yang lain-lain itu kita boleh buat fasal apa? Tentang hendak membaiki, hendak menyihatkan rakyat minta derma fasal apa. ini. Tentang senjata tidak beli baru. Kapal beli yang second hand, Orang sudah buat perang kapal itu kita beli. Kita

jangan takut, kita jangan malu. Kapal yang ada itu second-hand. Betul Tan Sri?

Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth: Baik pulih semua.

Tuan Mustafa bin Awang: Baik pulih kita pakai, macam mana - malu kita. Kena gelombang di Sabah hilang teruslah kapal kita. Kapal K.D Hang Tuah jangan main-main, tidak sesuai dengan nama Hang Tuah itu tenggelam. Ini begitu juga.

Jadi, yang pertama saya minta alat-alat itu beli, utamakanlah. Yang kedua, menggalakkan doktor ini kekal bekerja dengan Kerajaan naik gaji, naik pangkat. Kerja 10 tahun ini professional, doktor ini telah belajar 7 tahun, keluar isi mata malam tidak tidur, tidur sekali dengan mayat. 10 tahun Superscale G tidak betul. Orang kerja lain harap maaf, pegawai Kerajaan, terutama MCS, PTD, PTA kerja lima tahun Superscale F. Ini doktor pakar jantung. Kita sakit jantung jumpa dia. 10 tahun kerja Superscale G - malu dia. Kena timbang ini. Kalau doktor buat salah bancuh ubat, boleh jadi gila kita - jangan main-main.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi sebelum saya berhenti, saya minta sedikit sahaja lagi, bagi mengatasi sebahagian kekurangan doktor, apa salahnya Kerajaan longgarkan peraturan Hospital Assistant yang berkecualan dah sudah ada pengalaman 10 tahun ke atas, ada kelulusan yang munasabah, kita beri dia peluang belajar menjadi doktor. Biasanya Hospital Assistant ini

Tuan Adam bin Kadir: Inipun daripada pengalaman.

Tuan Mustafa bin Awang: Ada pengalaman, telah lulus periksa Tingkatan 1 dipanggil, orang ini kalau masuk ke universiti mengaji

hal ehwal doktor **ini**, masuk tahun yang kedua terus. Orang ini telah kenal penyakit, telah boleh merawat, kalau kita tengok di setengah-setengah tempat, Hospital Assistant ini lebih handal daripada doktor-doktor yang baru. Kadang-kadang doktor baru ini, hendak-hendaknya doktor dari Bangladesh bukan hendak menghina, dari Myanmar, hendak buat treatment itu dia tanya kita, dia kata "Orang ~~demam~~ lagu ini biasa ubat apa hendak beri?" Jadi, kita beritahu **dia**, kadang-kadang kita bahasakan juga dia "Aku bukan doktor, tetapi bolehlah beri ubat ini untuk tiga hari, lepas itu datang balik."

Tuan Adam bin Kadir: Jadi, Yang Berhormat selalulah buat begitu dahulu?

Tuan Mustafa bin Awang: Selalulah juga. **[Ketawa]** Jadi, berilah peluang kepada H.A.-H.A. yang baik ini dan Staff Nurse yang ada pengalaman, beri mereka peluang. Beri mereka belajar tiga, empat tahun mereka balik jadi doktor. Daripada kita ambil student ataupun pelajar-pelajar yang langsung tidak pernah tengok mayat, tidak pernah tengok darah bisul, tidak pernah toreh, kita suruh dia belajar mula dia pening. Satu kelas 100 orang, akhirnya tinggal 14, yang Melayu ada 3 orang, hak lain orang, lainlah **itu**. Kita complaint anak Melayu tidak masuk cacing, mana masuk cacing, fasal tadilah kurikulum **itu**. **[Ketawa]** Yang tidak minat doktor, kita suruh jadi doktor mana boleh.

Jadi, saya berharap Kerajaan atau Kementerian yang berkenaan mengkaji semula, memberi peluang kepada doktor naik pangkat bukan sahaja naik gaji, telah bekerja 10 tahun, berilah Superscale F ke atas, ini masih Superscale G di situ, nampak macam berat punggung -

hendak bangun. Itu yang lari **ini**, buka klinik sehari berapa ratus, sebulan berapa puluh ribu. Selepas itu kita dok bising. Dan beri peluang kepada H.A. yang ada pengalaman dan layak berkelulusan, berilah mereka memasuki universiti dalam atau luar negeri sehingga mereka mendapat ijazah sebagai seorang doktor untuk berkhidmat dengan negara ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Terima kasih. Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh.

5.48 ptg.

Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kerana memberi peluang untuk saya bangun dan menyokong penuh Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1991 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu dan apa-apa jumlah wang lain yang telah dibenarkan sebagai perbelanjaan untuk perkhidmatan bagi sebahagian daripada peruntukan itu yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun sahabat saya telah bercakap mengenai semua Kementerian tetapi saya hanya hendak sentuh sedikit sahaja.

Sesungguhnya semua rakyat Malaysia mengalu-alukan dan menyambut baik di atas Belanjawan yang dibentangkan **itu**, yang merangkumi **ber-**bagai lapisan rakyat Malaysia yang terdiri dari golongan berada, golongan yang kurang berada dan yang kurang bernasib baik. Tahniah saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan pegawai-pegawainya yang mengambil kira berbagai-bagai aspek dan pendapatan rakyat Malaysia di dalam Budget tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, B.4 Suruhanjaya Pilihanraya. Tidak boleh dinafikan bahawa kestabilan politik negara hari ini ada hubung kait dengan kecemerlangan tugas yang dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihanraya. Namun begitu, saya difahamkan bahawa masih ada golongan-golongan yang tertinggal ataupun tidak berkesempatan membuang undi kerana tidak diberi undi secara pos dan mereka ini sebahagian besar adalah penyokong Kerajaan. Golongan yang saya maksudkan adalah seperti berikut:-

- (1) MISC atau Malaysian International Shipping Corporation Berhad;
- (2) PNSL atau Perbadanan Nasional Shipping Line;
- (3) Kris Shipping;
- (4) MSC atau Masaha Shipping Cooperation;
- (5) PCL atau Pacific Carrier Line.

Saya harap supaya mereka ini diberi perhatian di dalam pilihanraya yang akan datang walaupun mereka ini kapal dagang tetapi adalah terdiri dari rakyat Malaysia yang setia.

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B.47 - Kementerian Pengangkutan, Malaysia mempunyai Akademi Laut Malaysia (ALAM) di Melaka. Saya ingin tahu apakah taraf kelulusan selepas menjalani kursus selama 1 1/2 tahun, adakah sama taraf universiti, politeknik atau institut? Adakah sijil-sijil yang dikeluarkan oleh Malaysia diiktiraf di dunia maritime atau hanya di Malaysia sahaja?

Mengenai Maksud B. 34 - Kementerian Kesihatan. Saya amat tertarik bila mengetahui bahawa Kementerian ini melancarkan atau mengadakan kelambu ubat bagi mencegah penyakit malaria. Berapa peratuskah rakyat Malaysia yang masih mengidap penyakit tersebut? Adakah kempen-kempen menjaga kebersihan sekitar kawasan rumah dijalankan, dan di kawasan-kawasan manakah kelambu ubat ini diberi?

Satu lagi program Kementerian Kesihatan yang telah diumumkan ialah dengan memberi bintang-bintang mengikut kebersihan restoran-restoran. Perkara ini patutlah dilaksanakan dengan secepat mungkin, kerana kebersihan restoran-restoran adalah amat penting kepada seluruh rakyat, tidak kira rakyat tempatan atau pelancong-pelancong. Saya harap restoran-restoran yang dijadikan tempat persinggahan bas-bas ekspres juga hendaklah sentiasa bersih dengan kemudahan bilik air dan tandas yang selesa.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Maksud B.54 - Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) akan menolong rakyat untuk mendapatkan rumah sendiri. Saya suka hendak mencadangkan supaya Kementerian bekerjasama dan

berganding dengan Maksud B. 25 - Kementerian Pertahanan. Memandangkan Program Tentera Masuk Desa telah diperkenalkan, kita juga tahu bahawa tentera-tenera ini mempunyai kepakaran dalam pembinaan rumah, jambatan dan lain-lain. Jadi, untuk aktiviti membina rumah bagi orang miskin ini tentulah tidak ada apa-apa masalah bagi mereka.

Maksud B.36 - Polis Di-Raja Malaysia. Saya ingin menyentuh mengenai pakaian seragam Polis wanita. Nampaknya walaupun kita telah lama merdeka, tetapi tidak ada apa-apa pembaharuan dalam uniform Polis wanita. Kalau Polis wanita Bahagian Trafik boleh memakai seluar panjang biru tua dengan baju putih berlengan panjang dan nampaknya begitu segak dan kemas, kenapa tidak pakaian Polis wanita tidak boleh diubahsuai dengan seluar panjang warna kuning dan berbaju biru? Tuan Yang di-Pertua, perkara ini walaupun kecil selalu dibangkit-bangkitkan dalam Mesyuarat-mesyuarat Agung Wanita UMNO. Jadi, perhatian patut diberikan dan perubahan-perubahan patut diambil tindakan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Maksud B.26 - Kementerian Pendidikan. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim yang akan memulakan tugas beliau sebagai Menteri Kewangan tidak lama lagi. Kita harap segala usaha beliau untuk menuju ke arah Dasar Pendidikan Negara akan dapat diteruskan oleh Menteri yang akan menggantikan tempatnya nanti.

Tuan Yang di-Pertua, bahasa Inggeris adalah satu matapelajaran yang penting. Adakah tenaga pengajar mencukupi di seluruh negara? Jika tidak apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pendidikan?

Pada satu masa dahulu ada ura-ura hendak mengambil tenaga pengajar bahasa Inggeris dari luar negeri, adakah perkara ini masih perlu? Sekarang terdapat guru-guru pencen yang amat mahir dalam bahasa Inggeris, kerana masa mereka belajar dahulu bahasa pengantarnya ialah bahasa Inggeris. Jika guru-guru ini masih boleh memberi khidmat sukarela atau berelaun, atau mendapat sedikit imbuhan, saya rasa masalah pembelajaran bahasa Inggeris boleh diatasi.

Maksud B.17 - Kementerian Belia dan Sukan. Tuan Yang di-Pertua, banyak program yang dijalankan oleh Kementerian Belia dan Sukan termasuk kursus-kursus, tetapi akhir-akhir ini saya dapati kebanyakan kursus-kursus belia ini dirancang dan dijalankan oleh pegawai-pegawai belia itu sendiri dan ahli-ahli belia dan beliawanis hanya dijemput sebagai peserta sahaja.

Pada satu masa dahulu persatuan-persatuan belia di negeri-negeri diberi tugas untuk menganjurkan sendiri kursus tersebut dengan kerjasama pegawai-pegawai belia. Cara ini saya lihat sangat berkesan dan efektif, kerana ahli-ahli belia itu mempunyai tanggungjawab sebagai ahli jawatankuasa untuk melaksanakan kursus itu dengan jayanya. Di peringkat Kementerian Belia dan Sukan kita dapati pegawai-pegawai khas wanita. Apakah sebenarnya peranan dan tugas-tugas pegawai tersebut? Adakah program-program yang berasingan dirancang untuk beliawanis, jika ada apakah jenis-jenis aktiviti itu?

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B.28 - Perbendaharaan. Saya ingin tahu adakah Perbendaharaan di seluruh negara diselaraskan dari

berbagai-bagai segi kerana baru-baru ini terdapat satu kes. Saya sebutkan sebagai contoh yang melibatkan seorang sahabat saya, yang hendak mendapat pengesahan sebuah syarikat supaya mengesahkan yang tiga orang ahli Lembaga Pengarahnya tidak bankrap. Apabila borang tertentu dibawa ke mahkamah untuk disahkan, pihak mahkamah menghubungi pihak Perbendaharaan dan diberitahu bahawa tiap-tiap seorang pemohon itu dikenakan stem hasil sebanyak \$5, dan \$4 stem biasa dibayar di mahkamah, jadi berjumlah \$9 tiap-tiap seorang dikenakan, kalau kali tiga orang sama juga dengan \$27. Bila borang-borang tersebut dibawa ke Pejabat Pendaftar Syarikat di Kuala Lumpur, pegawai yang berkenaan memberitahu bahawa stem hasil \$5 itu tidak perlu dibayar kerana telah dijelaskan semasa syarikat itu hendak didaftarkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai orang biasa yang tidak tahu aturan peraturan atau undang-undang, sahabat saya terpaksa membayar dan membazirkan wang tersebut. Ini dibuat kerana pihak Perbendaharaan meminta orang-orang yang berkenaan berbuat demikian, dan nampaknya pegawai di Perbendaharaan sendiri tidak mengetahui akan aturan yang sedia ada. Jadi, saya harap perkara yang berlaku ini janganlah berulang lagi sebagai pembaziran sahaja.

Maksud B. 22 - Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Di Malaysia terdapat berbagai-bagai jenis carian dari daerah-daerah dan negeri. Saya dapati kadangkala lagu-lagu tersebut digubah dan dicipta semula, dan di sini hilanglah keaslian dan keunikan asli yang diwarisi. Contohnya, lagu dan tarian Canggung dari Perlis.

Saya amat berharap supaya keaslian tarian tradisi ini dapat dipelihara, begitu juga pakaiannya. Pakaian asli tarian canggung ialah baju kebaya labuh, kalau tarian canggung dipakai baju Kedah, ini sudah menukar dari segi pakaian. Jadi, saya berharap marilah kita sama-saraa pelihara akan keaslian satu-satu kebudayaan itu.

Mengenai Maksud B.19 - Kementerian Pertanian. Tahniah saya ucapkan kepada Kementerian ini kerana amat banyak aktiviti ekonomi, sosial, penyelidikan yang dijalankan oleh agensi-agensinya.

Saya hanya suka menarik -perhatian Kementerian yang berkenaan bagaimana agaknya untuk menambahkan lagi hasil mempelam, kerana negeri Perlis adalah sebagai negeri yang bertanggungjawab mengeksportkannya ke luar negeri. Perlis juga terkenal sebagai negeri yang mengeluarkan jenis mempelam yang terbesar sekali di dunia. Bolehkah pihak Kementerian Pertanian tolong mengekalkan identiti mempelam besar itu sama ada untuk makanan tempatan atau untuk dieksport? Sebelum saya akhiri ...

Tuan Adam bin Kadir: Apa nama jenis mempelam besar itu?

Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh: Ada nama, tetapi. saya tidak ingat, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Adam bin Kadir: Tidak apa, itu sahaja.

Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh: Besar. Saya ingin sampaikan dua rangkap pantun:

Sangatlah sibuk bila air bah,

Ibarat helang masa menyambar;

Kesenian asli janganlah diubah,

Kerana takut ianya tercemar.

Sangatlah suka digelar ratu,

Mahkota dihadiah sebagai kurnia;

Mempelam Perlis bertambah mutu,

Supaya eksport ke merata dunia.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1991. Terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Puan Ida Dumpangal nee Ida Undan.

6.00 ptg.

Puan Ida Dumpangal: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua di atas kesempatan yang diberikan untuk berucap di Dewan yang mulia ini. Saya ingin menyentuh beberapa isu mengenai dengan Belanjawan 1991 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Persekutuan pada akhir tahun yang lalu. Adalah menjadi harapan saya supaya komen-komen saya ini dapat diberi pertimbangan yang sewajarnya dalam pelaksanaan program-program pembangunan bagi tahun 1991.

Tuan Yang di-Pertua, saya gembira dengan tindakan Kerajaan yang selaras dengan gerakan ke arah masyarakat penyayang. Sejumlah \$6,000 juta telahpun diperuntukkan khas untuk meringankan beban yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di luar-luar bandar. Sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, keadaan-keadaan yang dihadapi oleh orang-orang yang kurang bernasib baik dalam masyarakat kita bukanlah disebabkan oleh kurang berusaha atau kurang peluang tetapi oleh sebab-sebab yang di luar keupayaan mereka.

Saya menyokong penuh bahawa apa juga bantuan yang akan diberikan kepada orang-orang yang kurang bernasib baik sepatutnya tidak terhad kepada bantuan kewangan sahaja tetapi juga melalui kemudahan-kemudahan yang dapat meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar yang miskin secara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, kualiti perkhidmatan kesihatan di Sabah yang telah bertambah baik dibandingkan dengan tahun 60an menunjukkan penglibatan Kerajaan dalam mempertingkatkan kehidupan rakyat. Sebagai bukti kadar kematian kasar, crude death rate, dengan izin,

bagi tiap-tiap seribu penduduk telah jatuh dari 8.3% dalam tahun 1960 kepada 3.8% dalam tahun 1988. Dalam kes angka kematian bayi di Sabah, Jabatan Perangkaan Negara menunjukkan bahawa angka kematian bayi telah menurun dari 49 bagi tiap-tiap 1,000 penduduk dalam tahun 1963 kepada 17.6% bagi tiap-tiap 1,000 penduduk dalam tahun 1985. Walau bagaimanapun, kita tidak seharusnya berpuas hati dengan butir-butir angka sahaja. Apa yang lebih penting ialah kualiti hidup rakyat secara keseluruhannya.

Selain daripada bantuan kewangan dari Kerajaan Persekutuan untuk mempertingkatkan kemudahan-kemudahan kesihatan, Kerajaan Negeri Sabah dan Yayasan Sabah melalui perkhidmatan doktor udara dan perkhidmatan ambulan dua puluh empat jam juga turut menyumbangkan ke arah kenaikan taraf perkhidmatan kesihatan dalam negeri, terutama di kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini bersetuju dengan saya di mana semenjak penubuhan Malaysia terdapat peningkatan yang agak besar dari segi kemajuan kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan di setiap negeri. Walau bagaimanapun, saya ingin menekankan di sini bahawa Sabah masih memerlukan lebih banyak kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan yang lebih baik dan berkualiti.

Menurut kajian yang dijalankan pada tahun 1990, kira-kira 45% daripada kampung-kampung adalah kekurangan kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan kesihatan. Perangkaan dari Jabatan Perangkaan Negara menunjukkan bahawa dalam tahun 1985 Sabah menduduki tempat yang paling rendah di Malaysia dari segi bilangan doktor. Laporan dari

Jabatan Kesihatan Sabah menunjukkan bahawa dalam tahun 1985, Sabah menduduki tempat kedua tertinggi selepas Kelantan dari segi kematian bayi. Dari segi kadar kematian kanak-kanak, Jabatan Kesihatan Sabah melaporkan bahawa Sabah merupakan tempat ketiga tertinggi pada tahun yang sama selepas Kelantan dan Terengganu.

Tuan Yang di-Pertua, Sabah menghadapi masalah kekurangan doktor, pakar-pakar perubatan dan jururawat. Masalah ini semakin bertambah buruk dengan kemasukan beramai-ramai pendatang tanpa izin dari Filipina dan Indonesia yang mana telah turut membawa bersama masalah-masalah sosial dan kesihatan. Kemudahan perkhidmatan kesihatan yang sepatutnya disediakan untuk keperluan penduduk tempatan telah diambil alih oleh pendatang tanpa izin tersebut. Ini telah menambahkan beban kepada masalah yang sedia ada di mana perhubungan jalanraya yang buruk di Sabah dan mungkin di negeri yang lain juga menyebabkan penduduk-penduduk di luar bandar susah untuk mendapatkan perkhidmatan segera bagi kes-kes perubatan yang berat di hospital-hospital yang lebih besar dan lengkap dengan kemudahan perubatan yang termoden. Peningkatan kualiti kesihatan di Sabah adalah terletak di tangan ahli-ahli politik kerana mereka sahajalah yang dapat membentuk dan melaksanakan dasar-dasar yang boleh mengambil kira kedudukan pendatang-pendatang tanpa izin di Sabah.

Adalah dianggarkan bahawa jumlah penduduk pendatang tanpa izin di Sabah yang sekarang ini sudah berjumlah di antara 560,000 dan 675,000 akan meningkat kepada 890,000 orang atau separuh daripada penduduk Sabah dalam tahun 2,000. Berdasarkan laporan yang ada, pendatang-pendatang tanpa izin adalah jumlah yang terbesar menerima

perkhidmatan kesihatan di Sabah di mana kira-kira 25.2% hingga 32.1% menggunakan perkhidmatan pesakit luar dan dalam dan perkhidmatan bersalin.

Tuan Yang di-Pertua, penduduk-penduduk tempatan di Sabah terpaksa bersaing dengan pendatang-pendatang haram untuk mendapatkan perhatian di hospital dan pusat-pusat kesihatan Kerajaan. Penduduk tempatan sendiri tidak ada pilihan tetapi terpaksa mendapatkan rawatan di hospital dan klinik-klinik swasta untuk mendapatkan perubatan yang lebih cepat. Keengganan klinik-klinik swasta untuk meluaskan perkhidmatan mereka ke kawasan luar bandar merupakan penghalang kepada peningkatan kualiti kesihatan di Sabah. Malangnya, kebanyakan daripada penduduk luar bandar di Sabah tidak berkemampuan untuk mendapatkan perkhidmatan perubatan dari hospital-hospital atau klinik-klinik swasta. Bagi mereka yang datang daripada keluarga yang terlalu miskin sehinggakan mereka tidak mampu untuk menampung kos perbelanjaan pengangkutan ke hospital atau klinik terdekat. Seajar dengan usaha ke arah masyarakat penyayang, saya rasa adalah sangat penting supaya kualiti kemudahan dan perkhidmatan kesihatan di luar- luar bandar di Sabah dipertingkatkan untuk menampung penduduk luar bandar yang miskin, yang tidak berkeupayaan untuk mendapatkan kemudahan dan perkhidmatan kesihatan seperti yang terdapat di kawasan-kawasan bandar.

Tuan Yang di-Pertua, situasi kesihatan penduduk luar bandar secara tidak langsung mempengaruhi penghidupan mereka. Saya percaya terdapat ramai penduduk di luar bandar yang mengalami penyakit berat sehinggakan tidak dapat menjalankan kegiatan ekonomi tetapi tidak mendapatkan perkhidmatan kesihatan kerana mereka merasakan penyakit mereka itu tidak berbahaya sehingga memaksa mereka menanggung **per-**belanjaan yang tinggi ke hospital di bandar yang mempunyai kelengkapan yang lebih baik.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mencadangkan bahawa dalam usaha membantu penduduk luar bandar yang miskin, meringankan beban kesusahan mereka, satu program khas harus ditubuhkan untuk mengenalpasti penduduk-penduduk luar bandar miskin sepertimana yang saya sudah sebutkan dan seterusnya menyediakan khidmat nasihat dan keperluan asas kesihatan kepada mereka.

Dalam konteks Sabah ini adalah sejajar dengan konsep masyarakat penyayang disebabkan mutu kemudahan perhubungan tidak memuaskan di negeri tersebut. Saya percaya bahawa kemiskinan dan kemunduran pelajaran akan menyebabkan penduduk-penduduk luar bandar akan terus terkongkong dalam belunggu kemiskinan sekiranya Kerajaan tidak mengambil langkah positif untuk mengatasi masalah-masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu orang-orang cacat, saya begitu gembira kerana Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$20 juta kepada Yayasan Kebajikan Negara khusus untuk membantu kumpulan-kumpulan cacat, orang-orang tua dan anak-anak yatim. Mungkin adalah tepat jika saya katakan bahawa kebanyakan daripada institusi yang

membantu kumpulan—kumpulan cacat, orang-orang tua dan anak-anak yatim di negara ini terdapat di kawasan-kawasan bandar dan mendapat sumber kewangan melalui derma-derma orang awam. Di Sabah sebagai contoh, sekolah untuk orang-orang buta, asrama untuk anak yatim dan sekolah untuk cacat mental kebanyakannya memperolehi sumber kewangan dari derma orang awam. Saya rasa sudah sampailah masanya bagi Kerajaan untuk memberikan perhatian sewajarnya terhadap masalah orang-orang yang kurang bernasib baik ini selaras dengan konsep masyarakat penyayang sekiranya Kerajaan benar-benar percaya dengan tema masyarakat penyayang tersebut.

Memandangkan mungkin terdapat bilangan yang besar orang-orang cacat yang belum berdaftar di negara ini yang memerlukan bantuan dari Kerajaan, saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan mempertimbangkan penubuhan institusi-institusi di luar-luar bandar untuk menampung keperluan kumpulan tidak bernasib baik ini, terutama sekali bagi mereka yang tersangat miskin. Oleh yang demikian, dalam mengambil langkah untuk membantu mereka yang tidak bernasib baik di luar bandar, saya mengesyorkan agar Kerajaan dapat memberikan perhatian yang sewajarnya mengenai isu-isu yang saya sebutkan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong Ucapan Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Azumu Tak.

6.15 ptg.

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih dan saya ingin turut serta membahaskan Rang Undang-undang bernama satu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1991 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu dan apa-apa jumlah wang lain yang

telah dibenarkan sebagai perbelanjaan untuk perkhidmatan bagi sebahagian daripada tahun itu.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin turut serta dengan kawan-kawan lain mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana membentangkan Belanjawan bagi tahun ini dengan begitu baik sekali dan dapat dicerita sepenuhnya oleh semua masyarakat di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengucapkan tahniah kepada Suruhanjaya Pilihanraya yang telah membuktikan kecekapan mereka di masa mengendalikan pilihanraya bulan Oktober yang lalu. Kecekapan Setiausaha Suruhanjaya tersebut bersama-sama dengan Pegawai-pegawai Pilihanraya Negeri-negeri haruslah diberi kepujian dengan sepenuhnya. Kepujian yang diberikan oleh Commonwealth Observer Group, dengan izin, telah membuktikan kenyataan tersebut. Tugas penting yang akan dijalankan oleh Suruhanjaya ini di masa akan datang adalah mengemaskinikan kelemahan-kelemahan yang mungkin ada. Ada pendapat yang menyuarakan bahawa nama-nama mereka tidak ada di dalam Daftar Pemilih di masa pilihanraya yang lalu. Kita semua ketahui bahawa Suruhanjaya tersebut telah memberi peluang dan masa yang panjang bagi pemilih-pemilih untuk menyemak nama-nama mereka, tetapi telah tidak dibuat. Oleh itu, sungguhpun Suruhanjaya Pilihanraya patut peka terhadap teguran-teguran seumpama itu tetapi apa yang penting adalah kesempurnaan perjalanan pilihanraya kita. Ini telah dibuktikan oleh Suruhanjaya tersebut dan kita ucapkan tahniah. Saya yakin bahawa di dalam kajian semula kawasan pilihanraya yang akan dijalankan di dalam tahun ini, Suruhanjaya akan mengambilkira pendapat-pendapat orang ramai sebelum membuat keputusan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam perkara Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa di dalam Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan bagi tahun 1989 ada menyatakan bahawa sepanjang tahun 1989 Suruhanjaya telah mengendalikan sebanyak 166,248 permohonan bagi lantikan pelbagai jawatan tetap dalam Perkhidmatan Pendidikan, iaitu 16,956 permohonan bagi jawatan-jawatan guru dan selebihnya, iaitu sebanyak 149,292 permohonan ialah bagi jawatan-jawatan bukan guru. Daripada jumlah tersebut, seramai 14,916 orang calon bagi jawatan-jawatan guru dalam pelbagai kategori telah dijemput menghadiri temuduga dan 14,084 orang daripada calon-calon berkenaan telah dipilih untuk lantikan ke jawatan masing-masing. Manakala permohonan bagi jawatan-jawatan bukan guru berjumlah sebanyak 149,292 itu pula, seramai 4,866 orang dijemput menghadiri temuduga dan seramai 539 orang sahaja berjaya dipilih untuk perlantikan masing-masing.

Masalahnya, Tuan Yang di-Pertua, ialah bilangan jawatan-jawatan bukan guru yang tidak dipanggil untuk ditemuduga adalah begitu ramai sekali. Apakah sebab-sebab mereka tidak ditemuduga tidak diberitahu dan bilangan yang dipilih seramai 539 orang daripada 4,866 yang ditemuduga itu adalah besar. Laporan itu patut memberitahu kita kriteria-kriteria pemilihan tersebut.

Saya juga ingin tahu kenapa jawatan bukan guru di dalam Kementerian Pendidikan ditemuduga oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan. Sepatutnya jawatan-jawatan tersebut dipilih oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Ada percanggahan tentang pengambilan pekerja di dalam sistem kita yang harus di kaji semula dengan mendalamnya oleh Ketua Setiausaha Negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari Isnin yang lalu, Yang Berhormat Senator Ainon Ariffin telah bercakap dengan panjang lebar berkenaan dengan Darul-Arqam dan saya bersetuju dengan beliau supaya kajian keseluruhan dibuat terhadap masalah-masalah yang ada di dalam pertubuhan tersebut. Kononnya pemimpinnya Ustaz Azahari Mohamad mungkin akan balik semula ke pangkuan jalan yang sebenar dan oleh itu saya harap Kerajaan akan mencari jalan supaya beliau ini dapat kita pelawa dan berjumpa dengannya supaya tidak rapat dengan kaki-tangan yang bersama dengannya supaya beliau ini senang balik ke pangkal jalan.

Tuan Yang di-Pertua, kita selalu dengar bahawa Badan Pencegah Rasuah menjalankan kerjanya dengan begitu aktif sekali dan dengan itu perkara-perkara rasuah wang ini boleh dikatakan telah amat berkurangan di negara kita pada ketika ini. Dengan kecekapan mereka itu juga kita perhatikan bahawa bukan sahaja yang kena tangkap itu mengambil rasuah atau memberi rasuah yang kecil-kecil tetapi yang besar-besar juga diambil tindakan. Tetapi yang penting sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak tahu sama ada perkara-perkara lain yang harus juga disiasat dibuat oleh Badan yang berkenaan.

Misalannya, Tuan Yang di-Pertua, ada orang-orang awam menyampaikan kepada Kerajaan kertas-kertaskerja yang agak begitu baik untuk kegunaan kontrak dan sebagainya dan apabila dibaca, diteliti oleh sesebuah Jabatan, kadangkala ianya tidak diberi kepada penulis kertaskerja itu yang telah membelanjakan wang yang banyak untuk membuat kajiannya, feasibility study dan sebagainya, tetapi

dengan apa cara dapat diberi kepada kawan, sahabat handai, pegawai-pegawai ataupun mungkin daripada Menteri-menteri di Kementerian-kementerian yang tertentu. Oleh itu, adalah amat penting supaya Badan ini membuat kajian, membuat penyelidikan, membuat siasatan, kerana saya yakin ada perkara-perkara seumpama ini berlaku. Apabila satu rancangan disediakan oleh sebuah badan awam daripada pihak orang ramai dikemukakan ke sebuah Kementerian, malangnya penyampai, penyedia kertaskerja itu tidak diterima. Tetapi apabila selepas masa setahun, dua tahun, cadangan itu diterima oleh Kerajaan, tetapi kerjanya dibuat oleh pihak yang lain. Ini amat bahaya sekali dan saya harap dapat penyelesaian supaya ianya tidak harus berlaku di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam laporan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ada disebutkan bahawa di masa negara maju, banyak projek-projek perumahan begitu laku sekali di dalam negara kita, maka KWSP menjalankan projek perumahan. Tetapi apabila negara di dalam kemelesetan, maka di dalam tahun 1984 mengikut kajian ini ianya telah memberhentikan segala projek-projek dan oleh sebab itu sebanyak \$4.4 juta telah dimansuhkan kerana bayaran-bayaran perundingan kajian lalulintas dan penyiasatan tanah yang telah dibelanjakan oleh KWSP.

Tuan Yang di-Pertua, masalahnya Yang Berhormat Menteri Kewangan kita selalu menasihati kita supaya kita berjimat-cermat dan membuat kajian sebenar, membuat kajian sepenuhnya segala kerja-kerja yang hendak dijalankan, yang hendak diusahakan. Tetapi malangnya ada agensi Kerajaan yang tidak mengikut nasihat-nasihat tersebut. Kita juga hairan di dalam KWSP ini, di dalam anggaran kira-kira mereka, pada tahun 1988 hutang lapuk yang disebutkan cuma sebanyak \$7,702

sahaja. Tetapi malangnya di dalam tahun 1989 sebanyak \$344,535 telah dihapuskan di dalam kira-kira mereka disebabkan dua penyewa bangunan KUWASA tidak membayar sewa semenjak tahun 1986. Perbezaan angka ini amat besar sekali. Jika penyewa tidak membayar sewa selama tiga bulan atau lebih, maka biasanya penyewa itu diusir keluar. Bagaimanakah pentadbiran KWSP tentang masalah ini?

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perkhidmatan Bomba merupakan perkhidmatan yang begitu baik sekali dan dalam sidang kita ini satu Rang Undang-undang pindaan terhadap kebajikan mereka akan dibentangkan oleh Kerajaan dan saya menyambut baik Rang Undang-undang itu. Masalahnya masih ada lagi stesen Bomba di bandar-bandar kecil yang menggunakan alat-alat dan kereta-kereta yang lama yang telah sepatutnya dikondem. Saya ingin bertanya kepada Kerajaan, tidakkah ada usaha untuk membekalkan kereta-kereta baru kerana saya fikir adalah lebih penting di kawasan bandar-bandar kecil diberi kereta-kereta yang moden kerana masalah kebakaran ini lebih bahaya lagi di kawasan-kawasan luar bandar jika dibandingkan dengan Bandaraya Kuala Lumpur yang besar-besar ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bolehkan sambung ucapannya esok?

Dato' Azumu bin Tak: Boleh. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Maka dengan ini, saya menangguhkan Majlis Mesyuarat ini sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.

